

MASAALAH ASSIMILASI CINA-MUSLIM KEDALAM  
MASYARAKAT DAN BUDAYA MELAYU: SATU  
KAJIAN KES DI SUNGAI WAY NEW  
VILLAGE, SELANGOR.

LATIHAN ILMIAH  
UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT  
IJAZAH SARJANA MUDA  
JABATAN ANTROPOLOGI/ SOSIOLOGI

oleh

MATRIK NO: 22691

UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

1976/77

ROKIAH TALIB  
PENSYARAH  
JAB. ANTROPOOLII SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA

PENGHARGAAN

Kajian dan rencana ini telah diselanggarakan dibawah penyeliaan dan pengawasan Puan Rokiah Talib, dan atas syur-syur, teguran dan nasihat serta tunjuk ajar beliau yang amat bernilai, saya ingin mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga.

Penghargaan yang tinggi juga saya tujukan kepada Encik Abdul Rahman Si, Pembantu Muballigh bagi kawasan Sungai Way New Village, yang telah memberikan kerjasama yang menggalakan untuk membolehkan kajian ini dijalankan.

Kepada penduduk-penduduk yang tinggal disekitar Sungai Way New Village, khususnya responden Cina-Muslim dan responden Melayu, jutaan terimakasih saya ucapkan kerana tanpa kerjasama dari mereka kajian kes ini tidak dapat dikendalikan.

Akhirkata, saya ucapkan terimakasih kepada semua mereka yang telah memberikan pertolongan-pertolongan tertentu secara langsung atau tidak dalam usaha menjayakan lagi penyelengaraan dan penerbitan rencana kajian kes ini. Tanpa galakan dan kerjasama dari mereka, matlamat pencapaian kajian ini dari segi masa, bahan, dan tempat, mungkin tidak diperolehi dalam jangka yang ditentukan.

PENULIS

Matrik No: 22691

16hb.November, 1976

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

<u>PENDAHULUAN</u> .....	1 - 12
a. Mengapa Pilih Tajuk Ini .....	2
b. Tujuan dan Bidang Kajian .....	3
c. Haipotesis .....	3
d. Metod Kajian : .....	4
i. Kajian Perpustakaan .....	4
ii. Soal Selidik .....	5
iii. Temuramah .....	6
iv. Pemerhatian .....	7
v. Sampling .....	8
e. Masaalah Kajian .....	9

BAB 1: LATARBELAKANG TEMPAT DAN ORANG YANG DIKAJI 13-27

a. Sejarah Tempat Kajian .....	13
b. Kedudukan Tempat Kajian .....	13
c. Kemudahan .....	14
d. Pentadbiran .....	14
e. Penyibaran Penduduk .....	16
f. Tempat Tinggal .....	17
g. Tempat Asal Responden .....	18
h. Umur Responden .....	19
i. Taraf Kahwin .....	20

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
j. Persekolahan .....	21
k. Pekerjaan .....	24
l. Pendapatan .....	25
m. Kesimpulan .....	26
BAB 2: <u>PENGHURAIAN KONSEP</u> .....	28 - 43
A. Konsep Assimilasi	
a. Pengertian .....	28
b. Faktor Pendorong .....	31
c. Faktor Penghalang .....	32
d. Jenis-Jenis/ Ukuran Assimilasi .....	33
B. Konsep Cina-Muslim	
a. Siapa Sebenarnya Cina-Muslim .....	34
b. Asal Usul Cina-Muslim/ Peranan PERKIM Dalam Pengislaman .....	36
c. Sebab Jadi Muslim .....	38
d. Cina-Muslim Sebagai Golongan Minoriti....	40
C. Orang-Orang Melayu Dengan Ugama Islam.....	42

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 3: <u>ASSIMILASI KEBUDAYAAN</u> .....	44 - 53
---	---------

a. Pakaian .....	44
b. Makanan .....	46
c. Bahasa .....	47
d. Kahwin Campur .....	48
e. Kematian/ Pemujaan Nenek Moyang .....	50
f. Kenduri-Kendara/ Membaca Doa Selamat .....	51
g. Ugama/ Sembahyang .....	52
h: Kesimpulan .....	53

BAB 4: <u>MASAALAH ASSIMILASI/ FAKTOR PENGHALANG</u> <u>PROSES ASSIMILASI</u> .....	54 - 65
--	---------

a. Sikap Mengasingkan Diri .....	54
b. Sikap Orang Tempatan .....	56
c. Perbezaan Etnik Dan Warna Kulit.....	58
d. Identiti Melayu Dengan Ugama Islam .....	59
e. Soal Hak Istimewa Orang Melayu .....	62
f. Kesimpulan .....	65

BAB 5: <u>PENUTUP</u> .....	66 - 80
-----------------------------	---------

a. Kesimpulan .....	66
b. Pluralisma atau Assimilasi .....	71
c. Cadangan .....	75

DAFTAR RAJAH, JADUAL, DAN PETA

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

a. Peta 1: Peta Menunjukkan Taburan New Villages Dan Tempat Kajian Di Semenanjung Malaysia .....	1a
b. Peta 2: Peta Menunjukkan Kedudukan Sungai Way New Village Dalam Negeri Selangor .....	1b
c. Peta 3: Peta Menunjukkan Kawasan Sungai Way New Village .....	15a
d. Rajah 1.1: Struktur Pentadbiran Majlis Tempatan Sungai Way New Village ...	15
e. Jadual 1.1: Taburan Penduduk Sungai Way New Village Mengikut Etnik .....	16
f. Jadual 1.2: Pembahagian Tempat Asal Mengikut Etnik .....	18
g. Jadual 1.3: Pembahagian Umur Mengikut Etnik ..	19
h. Jadual 1.4: Taraf Kahwin Mengikut Etnik .....	20
i. Jadual 1.5: Pembahagian 60 Orang Responden Mengikut Darjah Pencapaian dan Etnik .....	21

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

j. Jadual 1.6: Pembahagian 60 Responden Mengikut Aliran Sekolah .....	22
k. Jadual 1.7: Pembahagian 60 Responden Mengikut Jenis Pekerjaan .....	23
l. Jadual 1.8: Pembahagian 60 Responden Mengikut Pendapatan .....	25
m. Jadual 2.1: Jadual Menunjukkan Bilangan Cina-Muslim Wang Diislamkan oleh PERKIM Sepanjang Tahun 1974.....	41
n. Jadual 5.1: Bilangan Penduduk Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1976 .....	68
o. Bibliografi: .....	81 - 83
p. Lampiran A: Contoh Soalan Responden Cina-Muslim .....	84 - 96
q. Lampiran B: Contoh Soalan Responden Melayu...	97 -101

PETA 1

PETA MENUNJUKKAN TABURAN 'NEW VILLAGES'  
DAN TEMPAT KAJIAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA




Fig. 2. Distribution of New Villages.

sumber: Nyce, Ray- Chinese New Villages In Malaya  
A Community Study, Malaysian Sociological  
Research Institute Ltd; 1973

PETA 2

PETA MENUNJUKKAN KEDUDUKAN SUNGAI WAY  
NEW VILLAGE DALAM NEGRI SELANGOR



## PENDAHULUAN

Kajian ini adalah satu kajian terhadap masaalah 'assimilasi' yang dihadapi oleh golongan 'Cina-Muslim' kedalam 'masyarakat dan budaya Melayu' pada hari ini.<sup>1</sup>

Untuk tujuan ini penulis telah memilih kawasan Sungai Way New Village, Selangor sebagai tempat kajian.

Bab satu memperihalkan latarbelakang tempat kajian dari segi bentuk fisikal, penyibaran penduduk, pekerjaan, pendapatan, pelajaran, umur, taraf perkahwinan, pelajaran dan pentadbiran.

Bab dua menghuraikan beberapa teori dan konsep yang menjadi pokok perbincangan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merupakan penghuraian konsep assimilasi dari segi pengertiannya, ciri-ciri, jenis-jenis, faktor penghalang dan faktor pendorong proses assimilasi. Bahagian dua menjelaskan konsep Cina-Muslim dari segi pengertian, asal usul, dan sebab-sebab mereka memeluk ugama Islam. Bahagian ketiga membincangkan peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dari segi aktiviti pengislaman atau aktiviti dakwah.

Bab tiga membincang beberapa aspek assimilasi kebudayaan yang terdapat di tempat kajian. Aspek assimilasi kebudayaan dilihat dari segi pakaian, makanan, bahasa, kahwin campur, kematian, kenduri kendara dan ugama.

---

<sup>1</sup> konsep 'assimilasi', 'Cina-Muslim', 'masyarakat dan budaya Melayu' akan dibincang dengan lebih mendalam dalam Bab Dua

Bab empat membincang faktor-faktor yang menjadi halangan kepada proses assimilasi di tempat kajian. Masaalah assimilasi ditinjau dari segi sikap mengasingkan diri oleh golongan pendatang dari masyarakat tempatan; sikap masyarakat tempatan terhadap golongan pendatang; perbezaan etnik dan warna kulit; identiti Melayu dengan ugama Islam; dan soal hak istimewa orang-orang Melayu.

Bab lima merupakan kesimpulan kepada perbincangan-perbincangan yang terdapat dalam bab-bab sebelumnya. Beberapa cadangan akan dikemukakan untuk merapatkan jurang tali persaudaraan antara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu.

## 2. MENGAPA PILIH TAJUKINI?

Ada beberapa sebab yang mendorong penulis membuat kajian mengenai tajuk ini. Diantaranya ialah:

Pertama; belum lagi terdapat sebarang kajian ilmiah mengenai golongan Cina-Muslim di Semenanjung Malaysia samaada dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan ugama.

Kedua; selaras dengan dasar kerajaan memupuk perpaduan dan muhibbah di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengemukakan masaalah-masaalah yang timbul dalam hubungan Cina-Muslim dengan Masyarakat Melayu. Semoga masaalah ini dapat difikirkan dan satu jalan untuk mengatasinya diadakan.

Ketiga; golongan Cina-Muslim merupakan satu fenomena baru usaha PERKIM memperkenalkan ajaran Islam kepada masyarakat bukan Islam, khususnya masyarakat Cina.

### 3. TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada masalah assimilasi. Ini adalah berkait rapat dengan beberapa tujuan yang dianggap penting dalam perkembangan masyarakat Malaysia kini, iaitu;

Pertama; untuk melihat sejauhmana assimilasi dari segi ugama sebagai satu fenomena sosial dalam masyarakat yang berbilang kaum telah berlaku atau boleh berlaku.

Kedua; untuk melihat faktur-faktur yang mendorong dan menghalang proses assimilasi dalam masyarakat itu.

Kedua-dua tujuan ini akan meliputi bidang kajian dari aspek sosial, kebudayaan dan ugama. Iaitu kita hendak melihat sejauhmana orang Cina-Muslim telah berubah sikap dan mula memegang nilai-nilai orang Melayu dari segi pakaian, makanan, bahasa, ugama, kahwin campur dan perayaan.

### 4. HAIPOTESIS

Dalam membuat kajian ini haipotesis-haipotesis berikut digunakan:

Pertama; dalam sebuah masyarakat yang golongan pendatangnya adalah kecil bilangannya, kemungkinan untuk ujud assimilasi dengan penduduk tempatan adalah besar.

Kedua; faktur yang menyebabkan assimilasi dalam sesebuah masyarakat bukanlah persamaan kumpulan etnik, tetapi adalah persamaan ugama

## 5. METOD KAJIAN

Diantara metod kajian yang digunakan termasuklah:

- a. kajian perpustakaan
- b. soal selidik
- c. temuramah
- d. pemerhatian
- e. sampling

### a. KAJIAN PERPUSTAKAAN

Tujuan kajian perpustakaan ini adalah sebagai panduan bagi satu-satu kajian atau penyelidikan supaya para pengkaji tidak terkeluar dari had-had yang diperlukan.

Sebagaimana telah dinyatakan didalam kata-kata pendahuluan diatas,kajian assimilasi Cina-Muslim ini belum lagi terdapat sebarang panduan-panduan yang khusus dan berguna; maka kajian perpustakaan ini hanya dapat menolong penulis dalam hal-hal yang bersangkutan dengan cara untuk mengendalikan kajian assimilasi ini,umpamanya ,dari pembacaan buku-buku yang mengandongi kajian assimilasi Cina-Muslim di negara-negara asing<sup>2</sup>. penulis telah dapat memahami dengan mendalamnya faktor-faktor atau perkara yang perlu diperolehi .dan yang perlu dijauhi dari penduduk-penduduk Cina-Muslim di kawasan Sungei Way New Village. Buku-buku sedemikian rupa juga dapat menolong penulis dalam mengetahui latarbelakang satu-satu tempat berdasarkan pada struktur pekerjaan,alam keliling, dan

2. Contoh buku yang penulis gunakan sebagai latarbelakang Cina-Muslim di tempat kajian ialah 'disertasi' B.Pillsbury, bertajuk Cohesion and Cleavage in a Chinese Muslim Minority, 1973. Kajian ini dibuat di negeri Taiwan dimana terdapat orang Cina-Muslim yang berasal dari negeri Cina menghadapi masalah assimilasi dengan orang-orang Cina Taiwan yang tidak berugama Islam.

'ecological set-up' walaupun masih belum lagi terdapat satu ... kajian berdasarkan topik yang serupa ditempat yang dikaji ini. Misalnya, sebelum penulis menjalankan penyelidikan di kawasan Sungai Way New Village penulis sedia maklum bahawa orang-orang yang akan penulis kaji adalah terdiri dari kaum Cina-Muslim. Jadi, berdasarkan pada buku-buku berkenaan orang-orang Cina penulis telah memperolehi latarbelakang mereka. Walaupun gambaran dari segi tempat, latarbelakang dan keadaan adalah berbeza dari komuniti di Sungai Way New Village, namun ia dapat juga memberi panduan kepada penulis mengenai kebudayaan orang-orang Cina, khususnya Cina-Muslim dan masaalah yang dihadapi.

b. SOAL SELIDIK

Soalselidik ini disediakan bagi mencatatkan jawapan-jawapan dari responden Cina-Muslim dan orang-orang Melayu. Soalselidik ini mengandungi berbagai pertanyaan untuk mendapatkan data-data kuantitatif dan kualitatif. Data-data berbentuk kuantitatif itu diantaranya ialah tentang latarbelakang pekerjaan, pendapatan, pendidikan, taraf kahwin, umur dan sebagainya. Manakala data-data yang kualitatif pula ialah mengenai sikap mereka terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain, kerjasama dan perhubungan mereka dengan anggota dari kumpulan-kumpulan etnik lain, pendirian dan pandangan mereka terhadap persoalan-persoalan ugama dan kahwin campur.

Sebahagian besar dari pertanyaan-pertanyaan dalam soal-selidik ini berbentuk soalan tertutup (close-ended).<sup>3</sup> Sungguhpun begitu terdapat juga beberapa soalan yang berbentuk soalan terbuka (open-ended).<sup>4</sup> Soalan-soalan 'open-ended' ini tidak dapat dielakkan kerana ada pertanyaan-pertanyaan yang tidak dapat diduga jawapannya terlebih dahulu. Oleh itu jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan ini terpaksa dicatit kata demi kata dan kemudianya jawapan-jawapan itu disusun semula mengikut klasifikasinya.

Responden tidak mengisi soal-selidik dengan sendirinya disebabkan dua perkara:

- i. soal-selidik adalah dalam Bahasa Malaysia, dan kebanyakan responden Cina-Muslim tidak begitu fasih dalam penuturan, penulisan, dan pemahamanya.
- ii. dari segi pengalaman, memang tabiat manusia malas sedikit mengisi soal-selidik yang mengandungi berbagai pertanyaan. Sebab itulah penulis tidak galakan responden Melayu mengisi soal-selidik dengan sendirinya. Tambahan pula penulis mempunyai masa tertentu untuk **menyiapkan kajian ini**.

c. TEMURAMAH

Tujuan temuramah ialah untuk mendapatkan data-data yang lebih lengkap tentang perkara-perkara yang berhubung dengan sikap mereka terhadap ~~kk~~kumpulan-kumpulan etnik lain, anggapan

---

3. 'soalan tertutup' ialah soalan yang mana jawapannya telah disediakan dan peserta hanya memilih yang mana ia setuju atau tidak.

4. 'soalan terbuka' ialah soalan-soalan yang memberi kebebasan kepada responden untuk menjawab dengan panjang

mereka terhadap kahwin campur, prasangka mereka terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain dan pandangan-pandangan mereka terhadap beberapa persoalan ugama, politik, ekonomi, dan sosial. Kebanyakan persoalan-persoalan ini dikemukakan dalam temuramah-temuramah yang tidak formal seperti di mesjid dan di rumah responden Cina-Muslim. Sungguhpun begitu temuramah-temuramah bentuk formal juga digunakan. Kedua-dua bentuk temuramah ini dipakai bagi mendapatkan lebih banyak keterangan dan pandangan dari responden-responden yang dikaji.

d. PEMERHATIAN

Dengan memerhati perlakuan, perhubungan dan interaksi diantara anggota-anggota kumpulan etnik yang berlainan di tempat kajian, dapatlah sedikit gambaran umum tentang pola perhubungan yang ujud diantara mereka. Gambaran dan fikiran tentang hal ini dapat dipastikan pula melalui temuramah-temuramah yang formal atau informal. Malah pemerhatian ini digunakan bersama-sama dengan cara temuramah tidak formal bagi menyelami soal-soal yang berkaitan dengan nilai,sikap pantang larang dan pandangan-pandangan mereka.

Pemerhatian ini selalunya penulis gunakan untuk melihat keadaan di dalam rumah responden, khususnya responden Cina-Muslim. Umpamanya, penulis dapat perhatikan hampir semua rumah responden Cina-Muslim masih lagi mempamirkan peralatan budaya Cina seperti gambar-gambar dan patong-patong 'tok pekong colok untuk sembahyang, pemeliharaan anjing dan sebagainya.

e. SAMPLING

Kaedah ini merujuk kepada bilangan responden yang hendak dikaji. Bilangan responden yang dikaji itu dianggap dapat mewakili keseluruhan penduduk Cina-Muslim dan orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia.

Penulis telah memilih 30 orang responden Cina-Muslim dan 30 orang Melayu sebagai sample untuk dikaji. Bagi responden Cina-Muslim , pemilihan dibuat dengan cara mengambil satu senarai nama Cina-Muslim yang didaftarkan di Ibu Pejabat PERKIM,Kuala Lumpur. Cina-Muslim yang mendaftarkan diri di Ibu Pejabat PERKIM,Kuala Lumpur dari tahun 1973 hingga 1976 berjumlah 46 orang.

Pada mulanya penulis bercadang hendak mengkaji kesemua (46 orang) responden Cina-Muslim. Malangnya penulis tidak dapat berbuat demikian disebabkan dua perkara:

- i. terdapat 7 orang Cina-Muslim menggunakan alamat pembantu muballigh semasa mereka memeluk ugama Islam. Ini dilakukan kerana mereka hendak berselindung daripada pengetahuan ibu-bapa, saudara-mara dan sahabat handai.
- ii. terdapat 12 orang Cina-Muslim telah berpindah dari tempat kajian ke tempat lain.

Ini bermakna,daripada 46 orang kini hanya tinggal 27 orang saja. Melalui perbualan dengan mereka dan juga dengan orang-orang Melayu ,penulis telah diberitahu adanya dua orang Cina-Muslim yang berpangkat haji , dan seorang Cina-Muslim yang

telah berkahwin dengan seorang perempuan Melayu di kawasan tempat kajian. Jadi, penulis telah mengambil ketiga-tiga orang ini kedalam sample kajian bagi mencukupi jumlah 30 orang responden.

Bagi responden Melayu pula, penulis telah memilihnya secara 'arbitrary' sehingga mencukupi jumlah 30. Perkara ini dilakukan kerana penulis tidak berupaya mendapatkan satu senarai nama penduduk Melayu di tempat kajian, Namun demikian penulis telah cuba memilih responden Melayu yang terdiri dari ketua keluarga sahaja, yang tinggal berhampiran dengan penduduk Cina-Muslim.

#### 6. MASAALAH KAJIAN

Kajian ini, seperti kajian-kajian yang lain juga menghadapi masaalah pengumpulan data, lebih-lebih lagi kerana masa yang diberikan adalah terbatas.

Dalam kajian ini, masaalah yang pertama dan utama dihadapi ialah untuk merapatkan diri dengan masyarakat yang dikaji dan mendapatkan kepercayaan mereka terhadap tujuan kajian ini. Oleh sebab penulis bukan berasal dari tempat kajian, maka sebahagian besar mereka, khususnya Cina-Muslim, menganggap penulis sebagai orang luar atau asing; jadi setengah daripada mereka enggan memberikan beberapa maklumat yang diperlukan. Masaalah kepercayaan ini berlaku mungkin kerana penulis adalah orang Melayu dan masyarakat yang dikaji itu terdiri dari orang

Cina yang telah memeluk ugama Islam. Mereka khuatir dan enggan memberi maklumat yang dikehendaki kerana setengah daripada mereka menganggap penulis sebagai pegawai kerajaan ataupun pegawai PERKIM yang ditugaskan untuk menyiasat kedudukan keugamaan mereka.

Masaalah mendapat kepercayaan Cina-Muslim ini dapat penulis atasi dengan bantuan seorang pembantu muballigh bernama Haji Abdul Rahman Si yang ditugaskan di kawasan Sungai Way New Village. Beliau telah perkenalkan dan menerangkan tujuan lawatan penulis yang sebenarnya kepada beberapa orang Cina-Muslim. Disebabkan kesibukan tugasnya, beliau tidak dapat memperkenalkan penulis kepada semua (30 orang) responden Cina-Muslim. Namun demikian, penulis berjaya juga bertemu kesemua responden Cina-Muslim dan mendapat kepercayaan mereka bila saja penulis menyebut nama pembantu muballigh mereka.

Masaalah kedua yang timbul ialah untuk mendapat keterangan atau data-data yang konkret mengenai pendapat mereka tentang aspek ugama Islam. Mereka enggan berbincang tentang perkara-perkara yang menyentuh aspek keugamaan kerana mereka resa perkara ini tidak perlu dipersoalkan. Umpamanya, bila penulis tanyakan tentang 'sembahyang' dan 'makan babi', mereka teragak-agak memberi jawaban:

Masaalah ketiga ialah masaalah penggunaan bahasa Malaysia. Kebanyakannya daripada mereka (Cina-Muslim) tidak begitu fasih dalam penuturan Bahasa Malaysia. Penulis tidak dapat menjalankan temuramah dengan lancarnya, malahan ia membuang masa pula.

Sebagai contoh ,ada seorang Cina-Muslim berpangkat haji tidak dapat berbual dalam Bahasa Malaysia dengan lancarnya. Penulis telah menggunakan anak perempuanya yang fasih dalam penuturan Bahasa Malaysia sebagai penterjemah. Begitu juga dengan beberapa orang pemuda Cina-Muslim yang lain dimana penulis telah menggunakan penterjemah yang bersesuaian. Di sini timbul masaalah 'effective communication' antara penulis dengan responden. Perkara ini berlaku mungkin si 'penterjemah' salah faham akan soalan yang penulis kemukakan kepada responden yang berkenaan. Ini menyebabkan jawapan yang penulis terima kadang-kadang tidak 'relevant' langsung. Walau bagaimanapun penulis telah berusaha menerangkan dalam bahasa yang amat mudah difaham bagi responden memberikan jawapan yang dikehendaki.

Masaalah keempat ialah masaalah 'anonymity' atau menahsikan diri daripada pengetahuan ibu-bapa,saudara mara dan orang ramai. Perkara ini timbul bila penulis diberitahu oleh seorang ketua rumah bahawa orang yang penulis hendak temui tidak tinggal dirumah itu,walaupun penulis pasti yang alamat di rumah itu adalah sama dengan alamat dalam senarai nama yang ada pada penulis. Setelah lima kali penulis menghadapi masaalah yang serupa,penulis lalu kemukakan masaalah ini kepada pembantu muballigh. Penulis dinasihatkan oleh pembantu muballigh supaya menyebut nama asal mereka(iaitu nama Cina mereka) kerana kebanyakkan responden Cina-Muslim terdiri dari orang bujang dan tinggal di rumah orang. Mereka tidak memberitahu tuan rumah yang mereka telah memeluk ugama Islam.-

Bagi responden Melayu pula, penulis tidak menghadapi sebarang masaalah yang serius. Ini mungkin disebabkan penulis adalah orang Melayu dan berugama Islam. Jadi, dari segi kepercayaan dan bahasa, penulis tidak menghadapi masaalah. Bahkan kesemua responden Melayu telah memberikan kerjasama yang erat sekali bila mengetahui tujuan kajian penulis. Mereka merasa ghairah dan sentiasa menyoal penulis akan kedudukan dan tujuan orang-orang Cina-Muslim yang sebenarnya. Response atau sambutan yang mendadak ini timbul mungkin kerana ugama Islam adalah sebatik dengan mereka, dan timbulnya golongan Cina-Muslim sebagai satu fenomena sosial dalam kebudayaan Islam telah melahirkan 'common interest' dikalangan responden Melayu.

## BAB I

### LATARBELAKANG TEMPAT DAN ORANG YANG DIKAJI

#### a. SEJARAH TEMPAT KAJIAN

Sungai Way New Village dengan kawasan seluas 64 ekar dibentuk pada tahun 1953 dibawah Akta Majlis Tempatan 1952. Kelahiran tempat kajian ini adalah akibat keadaan 'Dharurat' atau 'Emergency' yang dialami oleh Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada tanggal 16 June 1948 hingga 31 Julai 1960.<sup>5</sup>

#### b. KEDUDUKAN TEMPAT KAJIAN

Sungai Way New Village terletak dalam negeri Selangor. Ke Barat ialah bandar Klang, Shah Alam dan Lapanganterbang Antarabangsa Subang; ke Timor ialah Bandaraya Kuala Lumpur. Berjiran dengan tempat kajian ialah 'Free Trade Zone' dimana terdapat kilang letronik, kilang membuat kereta dan gudang barang. Jarak jauhnya dari Bandaraya Kuala Lumpur ialah

---

<sup>5</sup> keadaan 'dharurat' telah diistiharkan oleh kerajaan British pada 16 June 1948 berikutan pemberontakan terbuka oleh pihak Partai Komunis Malaya yang cuba menggulingkan kerajaan British dan mengistiharkan kemerdekaan Malaya sebagai 'Peoples Democratic Republic'. Akibat pengistiharan 'dharurat', beribu-ribu penduduk Cina di kawasan pendalaman dan pinggiran hutan di seluruh Malaya telah dikumpulkan dan ditempatkan kawasan-kawasan baru yangdikenali dengan nama 'New Villages'.

Untuk pejelasan yang lebih lanjut mengenai sejarah pembentukan New Villages, sila lihat: Ray Nyce, Chinese New Villages In Malaya, A Community Study, Malaysian Sociological Research Institute Ltd; 1973

5 batu, dan dari Klang pula ialah 8 batu. Federal Highway merupakan sebatang jalanraya penting yang menghubungi tempat kajian dengan Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam dan Klang.

c. KEMUDAHAN

Di Sungai Way New Village terdapat beberapa kemudahan seperti Balai Rakyat, Pondok Polis, sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, sebuah panggong wayang, pasar, padang permainan dan kedai-kedai untuk membeli belah. Kesemua kemudahan ini terletak di kawasan Sungai Way Tempatan Pekan.<sup>6</sup> Sebuah mesjid kegunaan penduduk Islam terdapat di kawasan Sungai Way Tempatan Utara, iaitu sebuah perkampungan orang Melayu.

d. PENTADBIRAN

Kawasan Sungai Way New Village dipecahkan kepada beberapa bahagian tujuan memudahkan perjalanan pentadbiran dari peringkat atas ke bawah. Bahagian-bahagian itu ialah:

- i. Sungai Way Tempatan Pekan yang dipecahkan kepada Sungai Way Selatan Satu dan Sungai Way Selatan Dua.
- ii. Sungai Way Tempatan Tengah yang dipecahkan kepada Sungai Way Tengah Satu dan Sungai Way Tengah Dua.
- iii. Sungai Way Tempatan Utara.


Pentadbiran kawasan Sungai Way New Village dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa Majlis Tempatan yang dilantik oleh Majlis Tadbir Daerah Petaling. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang pengurus, bendahari, setiausaha, dan lima orang Ahli Jawatankuasa Kecil yang dilantik oleh pengurus. Tugas sehari-hari dikerjakan ole

<sup>6</sup>. sila lihat peta 3

seorang setiausaha dan dua orang kerani bertempat di Balai Rakyat Majlis Tempatan Sungai Way New Village.

Majlis Tempatan ini menjaga kepentingan -kepentingan penduduk di kawasan ini baik dari segi ekonomi maupun sosialnya. Majlis misalnya mengadakan kemudahan-kemudahan perbekalan ayer paip dan api letrik, membina rumah-rumah dan kedai-kedai, disamping mengutip hasil-hasil cukai pintu dan cukai keatas lesen-lesen perniagaan.

RAJAH 1



STRUKTUR PENTADBIRAN MAJLIS TEMPATAN  
SUNGAI WAY NEW VILLAGE

e. PENYIBARAN PENDUDUK

Sungai Way New Village menampung tiga kumpulan etnik atau suku bangsa yang terdiri dari orang-orang Cina, India dan Melayu. Pembahagian penduduknya mengikut etnik dapat dilihat dari data di bawah (jadual 1.1) iaitu mengikut lapuran banci tahun 1970.<sup>7</sup>

Jadual 1.1

TABURAN PENDUDUK SUNGAI WAY NEW VILLAGE

MENGIKUT ETNIK

JANTINA	CINA <sup>8</sup>	MELAYU	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI	3353	727	586	53	4719
PEREMPUAN	1751	529	495	45	2820
JUMLAH	5104	1256	1081	98	7539
PERATUS %	67.7	16.7	14.4	1.2	100

Dari jadual diatas didapati orang Cina meliputi 46.03% dari

7 Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, ms.269

8 responden Cina-Muslim termasuk dalam kiraan etnik Cina

seluruh komposisi penduduk Sungai Way New Village, manakala orang Melayu meliputi 16.06%, India 14.03%, dan lain-lain seperti orang Sikh 1.03%.

Walaupun mengikut banci tahun 1970 jumlah penduduknya adalah seramai 7539 orang, tetapi pada masa kajian ini dilakukan (1976) angka ini tidak boleh dipakai lagi. Mengikut Encik Tham<sup>9</sup> bilangan penduduk ini telah bertambah ke angka 10,500 orang dimana nisbah penduduknya kini ialah Cina 67%, Melayu 18% dan India 15%. Pertambahan penduduk ini berlaku kerana ramai orang datang mencari pekerjaan di kilang-kilang elektronik yang berhampiran dengan tempat kajian.

f. TEMPAT TINGGAL<sup>10</sup>

Dari segi tempat tinggal, kebanyakan penduduk Melayu tinggal di kawasan Sungai Way Tempatan Utara yang merupakan sebuah perkampungan Melayu. Disinilah terdapatnya sebuah mesjid yang merupakan tempat beribadat bagi semua penduduk Islam di kawasan Sungai Way New Village, dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Dalam 'kampong Melayu' ini terdapat 2 orang penduduk Cina-Muslim yang tinggal berjiran dengan orang Melayu.

---

<sup>9</sup> Encik Tham ialah Setiausaha Majlis Tempatan Sungai Way New Village. Pentadbiran harian Majlis dikendalikan oleh beliau.

<sup>10</sup> Untuk penjelasan tempat tinggal sila lihat Peta 3

Kebanyakan penduduk Cina-Muslim tinggal di kawasan kediaman orang-orang Cina yang meliputi sebahagian besar kawasan Sungai Way Tengah, Sengai Way Tengah Satu, Sungai Way Tengah Dua, Sungai Way Pekan, Sungai Way Selatan Satu, dan Sungai Way Selatan Dua.

g. TEMPAT ASAL RESPONDEN

Pembentukan Sungai Way New Village akibat pengistiharan 'dharurat' berkait rapat dengan asal usul penduduk di tempat kajian. Tetapi tidak semua responden yang ditemui di tempat kajian ini merupakan penduduk asal kawasan ini. Kebanyakan responden merupakan golongan pendatang dari tempat lain seperti yang dapat dilihat dalam jadual dibawah ini.

Jadual 1-2

PEMBAHAGIAN TEMPAT ASAL MENGIKUT ETNIK

TEMPAT ASAL	CINA-MUSLIM	%	MELAYU	%
Sungai Way	0	0	3	10
Johor	6	19.8	4	13.2
Melaka	1	3.3	0	0
Negri Sembilan	4	13.2	4	13.2
Selangor	8	26.4	9	29.7
Perak	3	10	3	10
Penang	1	3.3	3	10
Kedah	2	6.6	2	6.6
Pahang	5	16.5	2	6.6
Jumlah	30	100	30	100

Dari jadual diatas, didapati hanya 3(10%) orang responden yang terdiri daripada orang Melayu adalah berasal dari tempat kajian. Tidak seorang pun responden Cina-Muslim berasal dari tempat kajian. Didapati kesemua responden Cina-Muslim berasal dari negri Johor, Melaka, Kedah dan sebagainya. Kedatangan mereka ke tempat kajian disebabkan terdapatnya kilang-kilang elektronik dan lain-lain yang merupakan sumber pekerjaan di kawasan Petaling Jaya dan Shah Alam.

h. UMUR RESPONDEN

Soalan mengenai umur sangat perlu diperolehi kerana ia secara langsung atau tidak langsung boleh mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan. Umpamanya golongan muda mungkin mempunyai sikap, nilai dan kepercayaan yang berlainan dari golongan tua. Pembahagian umur kedua-dua responden Cina-Muslim dan orang Melayu boleh dilihat dalam jadual dibawah ini.

Jadual 1.3

PEMBAHAGIAN UMUR MENGIKUT ETNIK

UMUR	MELAYU	%	CINA-MUSLIM	%
10 - 20	0	0	4	13.2
21 - 30	4	13.2	19	62.7
31 - 40	17	56.1	4	13.2
41 - 50	6	19.8	2	6.6
51 +	3	10	1	3.3
Jumlah	30	100	30	100

Kelihatan dalam jadual diatas bahawa bilangan Cina-Muslim berumur 30 tahun kebawah berjumlah 23(75.9%) orang. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar anggota Cina-Muslim terdiri dari golongan muda. Mereka yang berumur 30 tahun keatas berjumlah 7(24.1%) orang sahaja.

i. TARAF KAHWIN

Disini penulis sengaja memilih secara 'arbitrary' responden Melayu yang telah berumahtangga. Pemilihan ini dibuat berdasarkan pada beberapa masaalah dan kesukaran untuk menemui responden yang belum berumahtangga. Misalnya, penulis menghadapi masaalah kerjasama dari segi temuduga yang penulis adakan dengan mereka.

Oleh kerana sebahagian besar responden Cina-Muslim terdiri dari golongan muda, tidak hairanlah taraf bujang dikalangan mereka adalah besar seperti yang dapat dilihat dalam jadual dibawah ini.

Jadual 1.4

TARAF KAHWIN MENGIKUT ETNIK

TARAF KAHWIN	MELAYU %	CINA-MUSLIM %
Kahwin	30	0
Bujang	0	18
Jumlah	30	30
		100

j. PERSEKOLAHAN

Soalan-soalan dikemukakan kepada responden-responden untuk mengetahui peringkat persekolahan yang telah dicapai dan juga aliran persekolahan yang diikuti. Pertanyaan-pertanyaan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana institusi-institusi pelajaran memainkan peranannya sebagai alat sosialisasi dalam usaha mewujudkan persefahaman dan perpaduan di kalangan etnik yang berbeda-beda.

Dalam jadual dibawah ini terdapat darjah pencapaian dan aliran pelajaran yang diikuti oleh responden Cina-Muslim dan orang Melayu di tempat kajian.

Jadual 1.5

PEMBAHAGIAN 60 RESPONDEN MENGIKUT DARJAH

PENCAPAIAN DAN ETNIK

TINGKATAN	MELAYU	%	CINA-MUSLIM	%	JUMLAH	%
Tidak Sekolah	0	0	1	3.3	1	1.7
Sekolah Rendah	12	39.6	20	66.6	32	54.4
Menengah Rendah	6	19.8	7	23.1	13	22.1
Menengah Atas	11	36.3	2	6.6	13	22.1
Universiti	1	3.3	0	0	1	1.7
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Pada umumnya didapati 32(54.4%) daripada responden yang dikaji mencapai peringkat pelajaran rendah sahaja; manakala

13(22.1%) menerima pelajaran peringkat menengah rendah; 13(22.1%) menerima pelajaran peringkat menengah atas; 1(1.7%) menerima pelajaran peringkat Universiti; dan 1(1.7%) tidak mendapat pelajaran formal di sekolah.

Dari segi aliran (lihat jadual dibawah) didapati 18(59.4%) orang Cina-Muslim mendapat didikan sekolah Cina, dan 11(36.3%) mendapat didikan Inggeris. 18(59.4%) responden Melayu mendapat didikan sekolah Melayu dan 12(39.6%) mendapat didikan Inggeris.

Jadual 1-6

PEMBAHAGIAN 60 RESPONDEN MENGIKUT

ALIRAN SEKOLAH

ALIRAN	MELAYU	%	CINA-MUSLIM	%
Melayu	18	59.4	0	0
Inggeris	12	39.6	11	36.3
Cina	0	0	18	59.4
Tidak Sekolah	0	0	1	3.3
Jumlah	30	100	30	100

Jadual 1.7

PEMBAHAGIAN 60 ORANG RESPONDEN MENGIKUT

JENIS PEKERJAAN

JENIS PEKERJAAN	MELAYU	%	CINA-MUSLIM	%
Pembantu Teknik(RTM)	1	3.3	0	0
Tukang Kayu	0	0	2	6.6
Penjual Sayur	0	0	3	10
Kontrektor	0	0	3	10
Driver	4	13.2	2	6.6
Kondaktor Bas	1	3.3	0	0
Buruh Kasar	3	10	7	23.1
Mekanik Motor	0	0	3	10
Pekerja Kilang	1	3.3	6	19.8
Penyelia Kilang	1	3.3	0	0
Penjual Makanan	1	3.3	2	6.6
Fitter	0	0	1	3.3
Welder	0	0	1	3.3
Kerani	5	16.5	0	0
Guru	4	13.2	0	0
Polis	3	10	0	0
Pegawai Kerajaan	3	10	0	0
Askar	1	3.3	0	0
Imam	1	3.3	0	0
Pencen	1	3.3	0	0
Jumlah	30	100	30	100

k. PEKERJAAN

Responden Cina-Muslim dan orang Melayu menjalankan berbagai jenis pekerjaan, khususnya pekerjaan yang bercorak 'makan gaji'. Penjenisan pekerjaan ini dapat dilihat dalam jadual 1g. Seperti yang dapat dilihat dalam jadual ini terdapat semacam pembahagian kerja mengikut etnik.

Pembahagian pekerjaan mengikut etnik dimana orang Melayu bertumpu kepada 'white collar' job' dan orang Cina-Muslim bertumpu kepada 'blue collar job', adalah berkait rapat dengan pencapaian pelajaran (lihat jadual 1e). Oleh kerana sebahagian besar responden Melayu mencapai pelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan responden Cina-Muslim maka peluang bekerja dengan pihak kerajaan adalah besar. Umpamanya, kerja-kerja kerani, guru, polis, askar, dan pegawai kerajaan di 'monopoli' oleh orang Melayu. Sebaliknya jenis pekerjaan seperti tukang kayu, penjual sayur, kontrektor, fitter, welder, dan motor-mekanik di 'monopoli' oleh golongan Cina-Muslim. Disebabkan keutamaan diberikan kepada orang Melayu yang mempunyai kelulusan minima bekerja dengan pihak kerajaan, maka terdapat 2(6.6%) responden Cina-Muslim berkelulusan MCE bekerja dengan pihak swasta sebagai mekanik motor dan fitter.

### 1. PENDAPATAN

Pendapatan mempunyai hubungan rapat dengan jenis pekerjaan. Orang yang mempunyai gaji tetap seperti kerani, guru, askar, polis dan pegawai kerajaan dapat memberikan keterangan yang tepat tentang pendapatan mereka. Tetapi orang-orang yang bekerja sendiri seperti peniaga makanan, peniaga sayur dan kontrektor agak sukar untuk menyatakan pendapatan mereka yang tetap. Untuk mengatasi keadaan ini mereka diminta memberikan pendapatan yang biasa mereka terima pada tiap-tiap bulan seperti yang dapat dilihat dalam jadual dibawah ini

Jadual 1.8

#### PEMBAHAGIAN 60 ORANG RESPONDEN MENGIKUT PENDAPATAN

PENDAPATAN (\$)	MELAYU	%	CINA-MUSLIM	%
100-200	5	16.5	6	19.8
201-300	11	36.3	12	39.6
301-400	6	19.8	9	29.7
401-500	2	6.6	2	6.6
501-600	4	13.2	1	3.3
601-700	1	3.3	0	0
700 +	1	3.3	0	0

Dari jadual ini boleh dilihat bahawa bilangan responden dalam kumpulan pendapatan antara \$100 hingga \$200 ialah

11(17.6%) orang yang terdiri daripada 5 orang Melayu dan 6 orang Cina-Muslim; antara \$201 hingga \$300 ialah 23(36.8%) orang yang terdiri daripada 11 orang Melayu dan 12 orang Cina-Muslim; antara \$301 hingga \$400 ialah 15(24.0%) orang yang terdiri dari pada 6 orang Melayu dan 9 orang Cina-Muslim; antara \$401 hingga \$500 ialah 4(6.4%) orang yang terdiri daripada 2 orang Melayu dan 2 orang Cina-Muslim; antara \$501 hingga \$600 ialah 5(8.0%) orang yang terdiri daripada 4 orang Melayu dan 1 orang Cina-Muslim; antara \$601 hingga \$700 ialah 1 orang Melayu; dan \$701 keatas ialah 1 orang Melayu saja yang memegang jawatan Pegawai Kementerian Dalam Negri.

Jadual ini menunjukkan pemusatan pendapatan dalam kiraan \$400 ke bawah dimana terdapat 23(36.8%) orang mendapat pendapatan antara \$201 hingga \$300; 15(24.0%) mendapat antara \$301 hingga \$400; dan 11(17.6%) mendapat antara \$100 hingga \$200.

#### m. KESIMPULAN

Bab ini telah menunjukan persamaan dan perbedaan dikalangan orang Cina-Muslim dan orang Melayu. Dari segi persamaan, kedua-dua kumpulan etnik ini menganut ugama Islam. Dari segi perbedaan, ia boleh dilihat pada aspek tempat tinggal, pelajaran, pekerjaan, umur dan taraf perkahwinan.

Dari segi tempat tinggal, terdapat pengasingan tempat tinggal dikalangan mereka dimana orang Cina-Muslim lebih

banyak bertumpu di kawasan kediaman orang Cina; dan orang Melayu pula bertumpu di kawasan kediaman orang Melayu saja.

Begitu juga dengan pengkhususan pekerjaan. Orang Melayu lebih banyak bertumpu ke lapangan perkhidmatan kerajaan, sedangkan orang Cina-Muslim lebih banyak bertumpu ke lapangan swasta dan perniagaan persendirian.

Pengkhususan pekerjaan ini berkait rapat dengan pencapaian persekolahan. Kebanyakan responden Melayu mencapai tingkat pelajaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan responden Cina-Muslim.

Dari segi umur, kebanyakan responden Cina-Muslim adalah terdiri dari golongan muda, sedangkan responden Melayu terdiri dari golongan tua.

## BAB 2

### PENGHURAIAN KONSEP

Bab ini akan membincang tiga konsep penting yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi tujuan kajian ini. Konsep-konsep itu ialah, 'assimilasi', 'Cina-Muslim', dan 'orang Melayu dengan kebudayaannya'.

#### A. KONSEP ASSIMILASI

##### a. Pengertian

Dari segi definisi, tiap-tiap ahli sosiologi telah mentafsirkan konsep assimilasi dengan cara yang berlainan tetapi pada pokoknya mempunyai intipati yang lebih sama.

Richard J.Coughlin dalam kajiannya mengenai orang-orang Cina di Bangkok, Thailand, mengambil kesimpulan bahawa,

" assimilation is the process whereby individual and groups of one society are incorporated into groups and institutions of other societies with which they are in contact. Complete assimilation in this sense implies the virtual merging of the individuals and groups in the contact situation so that they cannot be distinguished as separate and distinct."<sup>11</sup>

Mengikut pengertian ini, proses assimilasi berlaku bila adanya 'contact' atau hubungan diantara dua kumpulan manusia

---

<sup>11</sup> Richard J.Coughlin, The Chinese in Bangkok- A Study of Cultural Persistence, University Microfilms, Ann Arbor, Michigan, 1969, ms.5

yang berlainan kebudayaan. Perhubungan ini kemudian akan membawa kepada proses 'incorporation' atau penyerapan dimana manusia dari satu kumpulan lain bergabung dan menjadi satu dengan kumpulan manusia lain sehingga mereka berdua tidak dapat lagi dipisah dan dibezakan samasekali.

Pengertian yang hampir sama diberikan oleh A.H.Richmond yang mengatakan bahawa assimilasi adalah ,

" a term usually applied to an immigrant or ethnic minority in process of being absorbed socially into a receiving society. It implies a dispersion of the minority ecologically, their increasing participation in the social system of the majority group and a measure of acculturation sufficient eventually for the minority group to cease to be identifiable." <sup>12</sup>

Angkubah yang digunakan oleh Richmond untuk menerangkan proses assimilasi ialah,

- i. adanya golongan pendatang
- ii. bilangan mereka kecil dari segi etnik,
- iii. mereka dalam proses penyerapan kedalam masyarakat tempatan(receiving society).

Ketiga-tiga angkubah ini membawa implikasi yang golongan pendatang itu dipisahkan dari segi tempat tinggal; pengasingan tempat tinggal ini akan mendorong mereka untuk mengambil

<sup>12</sup>

A.H.Richmond, A Dictionary of Sociology, ed. G.D.Mitchell, Routledge and Kegan Paul, London, 1973, ms.9

bahagian yang lebih cergas didalam sistem sosial masyarakat tempatan, sehingga luput samasekali ciri-ciri budaya kumpulan pendatang tadi.

Berlainan sedikit definisi yang diberikan oleh Park dan Burges yang menekankan kepada aspek perkongsian kenangan, sentimen dan sikap, juga pengalaman dan sejarah diantara dua kumpulan manusia yang berlainan kebudayaan. Antara lain definisi mereka berbunyi,

" a process of interpenetration and fusion in memories, sentiments, and attitudes of other person or group and by sharing their experience and history, are incorporated with them in a common cultural life."<sup>13</sup>

Disini proses assimilasi dikaitkan dengan nilai atau pegangan yang biasa diamalkan oleh golongan majoriti. Sekiranya golongan minoriti dapat menyerap, menerima, dan mengamalkan nilai dan pegangan golongan majoriti, maka proses assimilasi dikatakan telah berlaku.

Jadi, daripada definisi yang terdapat diatas, maka boleh kita katakan bahawa proses assimilasi selalu berlaku dalam keadaan dimana seseorang atau kumpulan yang berpindah itu masuk kedalam 'host society' kerana mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan di tempat yang baru itu

13

Park and Burges, Introduction to the Science of Sociology, 2nd.edition, University of Chicago Press, 1921, ms.735

supaya mereka diterima baik oleh masyarakat besar, lebih-lebih lagi kalau kumpulan yang mendatang itu adalah kecil. Gejala-gejala assimilasi ini dapat dilihat terutama dalam bidang kebudayaan etnik itu.

b. Faktor Pendorong

Daripada beberapa definisi yang diberikan dapat disimpulkan bahawa assimilasi akan mudah berlaku kiranya terdapat ciri-ciri berikut;

- i. Pertembungan dua atau lebih individu atau kumpulan yang berlainan keturunan dan kebudayaan, khasnya dimana berlakunya kemasukan satu kumpulan minoriti kedalam satu masyarakat yang lebih besar dan dimana satu pihak lebih lemah dari pihak yang lain. Pihak yang lemah akan membuat lebih banyak penyesuaian dan perubahan dari pihak yang kuat.
- ii. Perhubungan yang ujud dari pertembungan itu adalah berlanjutan, dikalam satu kawasan , iaitu masyarakat yang dimasuki.
- iii. Interaksi yang ujud antara dua pihak adalah bercorak hubungan asas kerana dari situ akan mengujudkan perasaan kekitaan antara semua anggota masyarakat tidak kira etniknya.

- iv. Ujudnya perasaan kesetiaan dan pengorbanan untuk masyarakat yang dimasuki.
- v. Penguasaan dan pemahaman bahasa ibunda kumpulan tempatan oleh kumpulan mendatang dapat mempercepatkan proses assimilasi.
- vi. Penerimaan nilai baru masyarakat tempatan disamping meninggalkan nilai-nilai tradisional mereka dapat mempercepatkan proses assimilasi.
- vii. Pemikiran yang liberal mengenai institusi kahwin campur juga dapat mempercepatkan proses assimilasi.

c. Faktor Penghalang

Faktor penghalang lebih merupakan sikap yang dipegang oleh kedua-dua kumpulan minoriti dan kumpulan majoriti. Diantara sikap-sikap yang sering menghalang proses assimilasi adalah seperti berikut:

- i. Sikap golongan pendatang yang sengaja mengasingkan diri mereka dari masyarakat tempatan, dan tinggal sesama mereka sahaja.
- ii. Sikap masyarakat tempatan yang enggan menerima golongan pendatang kerana menaruh prasangka terhadap golongan pendatang.

d. Jenis-Jenis atau Ukuran Assimilasi

Mengikut Gordon,<sup>14</sup> assimilasi boleh dibahagikan kepada tujuh jenis, iaitu pembahagian yang diasaskan kepada aspek-aspek perubahan. Pembahagian ini adalah semata-mata 'a matter of degree' dan bukanlah pembahagian yang dapat dipisahkan dengan jelas. Namun demikian, Simpson berkata,

" this conceptual scheme provides the most satisfactory criteria yet proposed for measuring assimilation and for determining to what extent it is taking place."<sup>15</sup>

Pembahagian itu adalah seperti berikut,

- i. Assimilasi kebudayaan atau perlakuan; iaitu dimana berlakunya perubahan pola kebudayaan mengikut corak kebudayaan masyarakat tuan rumah (host society). Dalam jenis ini termasuklah assimilasi dari jenis kepercayaan dan nilai.
- ii. Assimilasi struktur; iaitu dimana terdapat kemasukan orang-orang atau kumpulan yang mendatang secara meluas kedalam 'clique', kelab dan institusi sosial masyarakat tuan rumah.
- iii. Assimilasi perkahwinan; iaitu apabila terdapat perkahwinan campuran yang luas antara kumpulan yang mendatang dengan masyarakat yang dimasuki.

<sup>14</sup> Milton Gordon, Assimilation in American Life, Oxford University Press, New York, 1964, ms. 71

<sup>15</sup> G.E. Simpson, International Encyclopaedia of the Social Sciences, Vol. 1, ed. D.L. Sills, Macmillan Company, 1968, ms. 439

- iv. Assimilasi identifikasi; iaitu keadaan dimana ujud perasaan kekitaan yang diasaskan kepada masyarakat tuan rumah.
- v. Assimilasi penerimaan sikap; iaitu keadaan dimana tiadanya perasaan prasangka terhadap orang-orang atau golongan yang berhubung dengan mereka.
- vi. Assimilasi penerimaan perlakuan; iaitu keadaan dimana tiadanya diskriminasi terhadap orang-orang diluar kumpulan yang berhubung dan mengamalkan kebudayaan mereka.
- vii. Assimilasi sibik; iaitu keadaan dimana hilangnya konflik nilai dan perebutan kuasa diantara kedua pihak yang akan melahirkan pula satu sistem kebudayaan yang baru yang merupakan campuran dari dua kebudayaan yang terlibat.

Ringkasnya penjenisan assimilasi ini bukanlah merupakan satu pembahagian yang 'rigid'. Tiap-tiap satunya mempunyai perkaitan yang rapat.

## B. KONSEP CINA-MUSLIM

### a. Siapa Sebenarnya Cina-Muslim

Istilah 'mualaf' dalam Kamus Dewan<sup>16</sup> diertikan sebagai 'orang yang baharu masuk Islam'. Pengertian ini merangkumi semua golongan etnik yang telah memeluk ugama Islam. Jadi, orang Cina, India dan Eropah bila menjadi seorang Muslim,

16

Kamus Dewan, ed. Dr. Teuku Iskandar, Dewan Bahasa dan Pustak Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970, ms. 747

mereka diberi gelaran 'mualaf'. Istilah ini tidak begitu popular dikalangan pegawai-pegawai PERKIM. Tuan Haji Hashim, Penolong Pengarah PERKIM, berkata,

" pada masa yang lalu bila seorang yang bukan Melayu memeluk ugama Islam, kebanyakan kita beranggapan bahawa dia telah 'masuk Melayu' dan dipanggil 'mualaf'; lagipun 'mualaf' tidak begitu sedap pada pendengaran."<sup>17</sup>

Memandang pada masalah ini, maka PERKIM telah mencipta istilah 'saudara baru' untuk disesuaikan dengan kedudukan saudara-saudara yang baru memeluk ugama Islam.

Dari sudut ilmu Sesiologi dan juga untuk tujuan kajian ini, istilah 'saudara baru' dan 'mualaf' adalah terlalu 'abstrek' dan tidak 'specific'. Sebab inilah penulis gunakan istilah 'Cina-Muslim' untuk membezakannya dengan Indian-Muslim, Eropa-Muslim; dan juga dengan orang-orang Cina yang tidak berugama Islam, walaupun mereka sama dari segi etnik, bahasa, dan kebudayaan.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> tulisan Hamidah Hassan bertajuk PERKIM dalam majallah Jelita, Kuala Lumpur, Ogos 1976, ms.16

<sup>18</sup> pembahagian antara orang Cina yang berugama Islam dan yang tidak berugama Islam juga boleh dilihat dalam disertasi B.Pillsbury, Cohesion and Cleavage in a Chinese Muslim Minorit Columbia University, 1973.

b. Asal Usul Cina-Muslim/

Peranan PERKIM dalam Pengislaman

Timbulnya golongan Cina-Muslim adalah berkait rapat dengan peranan pengislaman yang diusahakan oleh pihak PERKIM. Ini tidak bermakna sebelum adanya PERKIM, tidak terdapat langsung golongan Cina-Muslim di Semenanjung Malaysia. Golongan Cina-Muslim memang ada, khususnya di negeri Kelantan dimana mereka merupakan golongan pendatang dari daerah Kwangtung di negara Cina. Tetapi kewujudan mereka tidak diketahui sangat oleh penduduk Malaysia, khususnya penduduk Melayu. Ini disebabkan tidak terdapat satu institusi formal untuk mewakili mereka. Hanya dengan kewujudan PERKIM barulah golongan Cina-Muslim menjadi satu fenomena sosial dalam masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu yang berugama Islam.

PERKIM yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman, dibentuk pada 19 Ogos 1960. Diantara tujuan PERKIM yang termaktub dalam Perlembagaan PERKIM ialah,

" memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran Ugama Islam dan / atau perkara-perkara akademik menerusi segala media dan dengan segala jalan-jalan yang sah di sisi undang-undang kepada semua orang-orang dalam Malaysia tidak dikira bangsa atau ugama dan menyibarkan syiar PERKIM."<sup>19</sup>

---

<sup>19</sup> Perlembagaan PERKIM, 1971, ms. 1

Tunku Abdul Rahman telah berkata,

" in Malaysia where almost half of the population are non-Muslims and are living side by side with us, no attempt has been made to explain the religion to the non-Muslims. PERKIM has done much good work since it was established about 15 years ago."<sup>20</sup>

Jelas kelihatan bahawa PERKIM dilahirkan dengan tujuan mengembangkan ajaran Islam kepada golongan yang tidak berugama Islam, khususnya kepada orang-orang Cina . Setiap orang Cina yang ingin memeluk ugama Islam wajib melafaz ' dua kalimah syahadat ' didepan kadi, dan 'mengaku bahawa tiada tuhan yang disembah sebenar-benarnya melainkan Allah, dan Nabi Muhamad itu adalah pesuruh Allah.' Upacara pengislaman ini boleh dilakukan secara bersendirian ataupun secara kumpulan bertempat di mesjid, pejabat ugama, ataupun di rumah-rumah Mentri.<sup>21</sup> Kemudiannya satu 'Surat Akuan Memeluk Ugama Islam' berwarna merah diberikan kepada mereka yang telah memeluk ugama Islam sebagai tanda mereka telah menjadi seorang Muslim. Selepas itu mereka dikehendaki 'berkhatan' atau 'bersunat' di hospital.

<sup>20</sup> Islamic Herald, Vol.1, No.1, ms.3

<sup>21</sup> diantara mentri-mentri yang telah menjadi tuanrumah kepada upacara pengislaman ini termasuklah Tan Sri Ghazali Shafei, Datuk Haji Mohamed Asri, dan Tunku Abdul Rahman.

c. Sebab Jadi Muslim

Untuk mengetahui sebab-sebab orang Cina mudah sangat peluk ugama Islam, Kristian dan lain-lain ugama lagi, kita harus mengkaji dan memahami latarbelakang kebudayaan mereka. N.J.Ryan berkata,

" to understand them we must understand something of their country's dominant religion,"<sup>23</sup>

Ugama di negeri Cina adalah bersifat " tolerant and eclectic,"<sup>25</sup> yakni pemandangan hidup dan kesukaan mereka tidak terbatas. Kerana sifat 'eclectic' inilah makaterdapat unsur-unsur animisma, pemujaan nenek moyang, Confucianisma, Taoisma, dan Buddhism digabungkan dan disatukan untuk menjadi kepercayaan dan cara hidup kebanyakkan orang-orang Cina. Willmott<sup>26</sup> mengatakan yang tradisi 'religious eclecticism' ini, juga berlaku di Semarang, Indonesia, dimana orang Cina yang berugama Kristian masih lagi menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Di semenanjung Malaysia,

---

<sup>22</sup> N.J.Ryan, The Cultural Background of the Peoples of Malaya, Longmans of Malaya Ltd, 1962. ms.77

<sup>23</sup> Guy Hunter, South East Asia - Race, Culture, and Nation; Oxford University Press, K.L., 1966. ms.42

<sup>24</sup> Donald E.Willmott, The Chinese of Semarang, A Changing Community in Indonesia, Cornell University Press, Ithaca, New York, 1960, ms.185

Manning Nash telah mengkaji penduduk Cina di Pasir Mas, Kelantan, berpendapat bahawa,

" Chiefly, religion is the familial ancestral cult expressed in the home altar... the Chinese do not conceive of missionising, rationalising or improving relations with the supernatural."<sup>25</sup>

Apa yang hendak ditegaskan oleh Manning Nash ialah bahawa orang-orang Cina tidak mempunyai satu bentuk ugama dimana terdapat hubungan manusia dengan 'supernatural force' sebagaimana yang terdapat dalam ugama Islam dan Kristian. Ugama kepada orang-orang Cina hanyalah berupa 'familial ancestral cult' atau 'pemujaan nenek moyang'.

Ujudnya 'religious vacuum' atau 'ketiadaan ugama dalam masyarakat Cina, maka terdapat ramai orang Cina tertarik hati pada ugama lain seperti ugama Islam dan Kristian. Sebab itulah diantara responden Cina-Muslim yang memeluk ugama Islam, didapati 22(73.3%) orang 'tiada pegangan' ataupun dikenali sebagai 'free thinker'; 6(20%) orang menganut ugama Buddha; dan 2(6.7%) orang menganut ugama Kristian. Diantara sebab-sebab yang diberikan ialah; 1(3.3%) orang sebab kahwin; 14(46.7%) orang sebab 'kawan suruh', terutama sekali oleh pembantu muballigh; dan 15(50%) orang sebab 'ugama Islam lebih baik dari ugama asal mereka'.

<sup>25</sup> Manning Nash, 'Ethnicity, Centrality and Education, dalam Religion, Society and Politics in a Malay State, ed. William R.Roff, O.U.P., K.L., ms.253

d. Cina-Muslim Sebagai Golongan Minoriti

Secara 'abstreknya' dapat kita katakan yang orang Cina-Muslim merupakan satu golongan 'minoriti' dari segi ugama, Dengan memeluk ugama Islam, mereka pada dasarnya telah membentuk satu 'subculture' atau budaya kecil dari keseluruhan budaya Cina yang lebih besar dan kompleks. Secara tidak langsung mereka telah memisahkan diri mereka daripada orang Cina yang tidak berugama Islam, dan telah mendekatkan diri dengan orang Melayu.

Berbagai definisi telah diberikan mengenai konsep 'minoriti'. Diantaranya ialah,

" a group of people who, because of their physical or cultural features are singled out from others in the society in which they live for differential or unequal treatment, and therefore consider themselves as objects of collective discrimination."<sup>26</sup>

dan,

" a subgroup within a larger group (ordinarily a society) bound together by some special ties of its own, usually race or nationality, but sometimes religion, or other cultural affiliations."<sup>27</sup>

Penegasan kedua-dua definisi diatas ialah pada ciri-ciri fisikal, warna kulit, ugama, dan kebudayaan. Dari segi ugama,

<sup>26</sup> Louis Wirth, 'The Problem of Minority Groups', dalam The Science of Man in the World Crisis, ed. Ralph Linton, New York, Columbia University Press, 1945, ms.247

<sup>27</sup> Henry P. Fairchild, Dictionary of Sociology, ed. Gould, New York, 1944, ms.134

mereka adalah berbeza dari orang Cina yang tidak berugama Islam; dari segi fizikal seperti warna kulit, mereka adalah berbeza dari orang Melayu; dari segi bilangan penduduk, mereka merupakan golongan kecil saja seperti yang dapat dilihat dalam jadual dibawah. Faktor-faktor inilah yang meletakkan mereka ketarif kumpulan minoriti.

Jadual 2.1

JADUAL MENUNJUKKAN BILANGAN CINA\*-MUSLIM

YANG DIISLAMKAN OLEH PERKIM SEPANJANG TAHUN 1974 \*

NEGERI	BILANGAN	PERATUS %
Penlis	14	1.55
Kedah	53	5.79
Pulau Pinang	220	24.07
Perak	24	2.62
Selangor	444	48.64
Negri Sembilan	0	0
Melaka	3	0.32
Johor	94	10.28
Penang	62	6.78
Jumlah	914	100

sumber: Laporan Tahunan PERKIM, 1974, ms.25

\* PERKIM tidak ada mempunyai 'official figure' Cina-Muslim sejak PERKIM ditubuhkan. Mengikut Setiausaha Kerja PERKIM, Encik Jaafar, adalah dianggarkan Cina-Muslim kini berjumlah 25,000 orang; iaitu jumlah dari tahun 1960 hingga 1976

### C. ORANG-ORANG MELAYU DENGAN UGAMA ISLAM

Mengikut Perlembagaan Malaysia dalam artikel 160(2), 'orang Melayu' d<sup>e</sup>sertikan sebagai mereka yang menganut ugama Islam , bertutur dalam bahasa Melayu, dan mengikut adat resam orang-orang Melayu<sup>28</sup>Jadi,dari segi tiorinya, seorang Cina boleh'menjadi' seorang Melayu sekiranya ia memenuhi ketiga-tiga syarat yang di tetapkan di dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi,pada praktisnya, seorang Cina walaupun telah memeluk ugama Islam tetap dipanggil Cina. Kerana menukar ugama bukan bererti meninggalkan etnik sendiri. Keturunan sesuatu etnik tidak terluput bila seorang bertukar ugama.

Perkara ini bertambah sulit lagi bila identity Melayu dikaitkan dengan kebudayaan Islam. Syed Nasir Ismail berkata,

" Malay culture today is woven around the Islamic conception of life, containing particular customs and tradition inherited from the past,eg. Malay wedding, funeral,<sup>29</sup> circumcision ceremony, and coronation."

<sup>28</sup> Tun Mohamed Suffian bin Hashim, An Introduction to The Constitution of Malaysia, 2nd.ed.,K.L. 1976

<sup>29</sup> Syed Nasir Ismail, Malay Culture, D.B.P.,K.L.,1962,ms.10

Pendapat Syed Nasir diperkuatkan lagi oleh Manning Nash yang mengatakan,

"In Kelantan, Malay equal Muslim, bahasa Melayu, and adat istiadat Melayu. That is, a Malay means someone who follows Islam, speaks Malay and takes the customary codes of law and behaviour to be binding. Malays' see religion and culture as indistinguishable."<sup>30</sup>

Jadi, ugama orang Melayu yang diakui ialah Islam, dan ugama ini dipupuk dalam masyarakat dengan adanya perlembagaan dan juga undang-undang Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu yang terdapat pada tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Islam menjadi faktur integrasi dan identiti masyarakat Melayu dan membezakannya dari masyarakat-masyarakat lain yang terdapat pada kawasan ini. Proses penyebatian diantara Islam dan kepercayaan dan adat-adat tempatan menimbulkan perasaan keagungan ugama dan kebudayaan pada masyarakat Melayu.

Timbul semangat keagungan ugama dan kebudayaan yang memberi sifat bangsa atau etnik kepada formula itu supaya Islam dan Melayu tidak dibezakan. Ini mengakibatkan perkara zahir yang melambangkan bangsa Melayu dipentingkan seperti baju Melayu dan songkok dan sarung untuk sembahyang, pengharaman anjing, yakni sebagai simbol yang membezakan kaum Melayu dari kaum asing.

---

<sup>34</sup> Manning Nash, op.cit; ed.William R,Roff,1974, ms.253

### BAB 3

#### ASSIMILASI KEBUDAYAAN

Dalam bab ini, penulis akan menganalisa kadar assimilasi kebudayaan yang telah berlaku di tempat kajian. Yakni, penulis hendak melihat sejauhmana orang Cina-Muslim telah mengamal dan menyerap kedalam kebudayaan orang Melayu, yang berlandaskan kebudayaan Islam.<sup>35</sup> Assimilasi kebudayaan ini akan dilihat dari aspek pakaian, makanan, bahasa, kahwin-campur, kematian, kenduri kendara dan membaca doa selamat, perayaan dan ugama.

##### a. Pakaian

Pakaian sesuatu etnik melambangkan, ataupun mencerminkan keperibadian masyarakat etnik itu. Pakaian 'sari' dan 'dhoti' digunakan oleh orang India; 'cheong sam' digunakan oleh orang Cina; baju Melayu, baju kurong, sarong dan songkok digunakan oleh orang Melayu.

Pakaian kebangsaan orang Melayu bagi lelakinya ialah 'baju Melayu', 'songkok' dan 'samping'. Bagi perempuannya pula ialah 'baju kurung' dan 'selendang'. Pakaian ini digunakan dalam majlis tertentu sahaja, seperti menghadiri majlis kenduri dan membaca doa selamat, majlis kahwin, sembahyang, dan segala upacara yang bersangkutan dengan ugama Islam.

---

<sup>35</sup> untuk penjelasan kebudayaan Melayu, sila rujuk Bab 2, muka surat 42

Jadi, untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan orang Melayu terhadap Cina-Muslim, mereka seharusnya memakai pakaian Melayu bila menghadiri majlis-majlis yang berkaitan dengan ugama Islam. Misalnya, bila menunaikan farhu sembahyang Jumaat, eloklah mereka gunakan baju Melayu dan songkok. Secara tidak langsung perbuatan ini dapat menambat hati orang Melayu, dan melahirkan perasaan persaudaraan.

Malangnya, daripada 30(100%) orang responden yang penulis temui, tidak seorangpun diantara mereka yang mempunyai sepasang baju Melayu. Ini termasuklah dua orang Pak Haji Cina -Muslim dan seorang Pembantu Muballigh. Penulis kerap berjumpa dan melihat Pembantu Muballigh menunaikan fardhu sembahyang Jumaat di mesjid Sungai Way New Village tanpa menggunakan 'baju Melayu', 'sarong' dan 'songkok'. Bila ditanya kenapa tidak gunakan 'sarong, songkok, dan baju Melayu' jawapan yang diberi ialah bahawa pakaian tidak penting; yang penting ialah iman seseorang kepada Allah. Responden yang lain pula mengatakan bahawa 'tidak perlu langsung untuk menukar kepada cara pakaian orang Melayu.'

b. Makanan

Islam milarang umatnya memakan daging babi. Hukumnya ialah haram. Tapi, makanan babi merupakan 'favourite dish' bagi orang-orang Cina.

Kerana issue babi merupakan issue yang paling sensitif untuk dikemukakan persoalan, maka penulis tidak dapat bertanya secara 'direct'; tetapi bertanyakannya secara 'indirect'.<sup>36</sup>

8(26.7%) orang responden Cina-Muslim mengatakan mereka 'pernah lihat kawan-kawan Cina-Muslim mereka' masih makan daging babi. Manakala 22(73.3%) orang mengatakan mereka 'tidak pernah melihat' kawan-kawan Cina-Muslim mereka makan daging babi. Mengikut Encik Tham (Setiausaha Majlis Tempatan Sungai Way New Village) terdapat ramai diantara Cina-Muslim yang dikenalinya masih mengamalkan makan daging babi. Kenyataan ini dibuat berdasarkan pengalamannya dalam majlis makan minum yang pernah diadakan di Balai Rakyat.

Sikap Cina-Muslim yang 'pernah lihat kawan-kawan Cina-Muslim mereka' masih makan daging babi, berbeza dari satu individu kepada individu yang lain. Misalnya, 3(10%) orang menunjukkan reaksi 'akan menasihati mereka'; 2(6.7%) orang menunjukkan reaksi 'tidak perdulikan'; dan 1(3.3%) orang menunjukkan reaksi 'akan melaporkan kepada pembantu muballigh'.

<sup>36</sup> contoh soalan indirect: pernahkah encik melihat kawan-kawan encik yang terdiri dari Cina-Muslim makan daging babi? jika pernah, bagaimana reaksi encik tehadap mereka?

c. Bahasa

Pertanyaan dikemukakan kepada tiap-tiap responden Cina-Muslim untuk mengetahui kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Kebolehan yang dimaksudkan disini ialah kebolehan memahami pertuturan-pertuturan yang mudah dalam bahasa Melayu.

Semua responden Cina-Muslim yang penulis temui dapat bertutur dalam bahasa Melayu, walaupun kadar pertuturan diantara mereka adalah berbeda dari satu individu dengan individu yang lain. Misalnya, 9(30%) orang mengatakan 'sangat fasih' dalam pertuturan dan pemahaman bahasa Melayu; manakala 21(70%) orang mengatakan mereka 'tidak berapa fasih' didalam pertuturan bahasa Melayu. Namun demikian, kesemua mereka yang 'tidak berapa fasih' boleh bertutur dalam bahasa Melayu walaupun tidak begitu lancar.

Jikalau di teliti dari latarbelakang pelajaran mereka<sup>37</sup> didapati 59.4% mendapat pelajaran sekolah Cina; 36.3% mendapat pelajaran sekolah Inggeris; dan tidak seorang pun diantara mereka yang mendapat pelajaran sekolah Melayu. Jadi, faktor penting yang menyebabkan ramai orang-orang Cina-Muslim dapat bertutur bahasa Melayu ini ialah kerana bahasa inilah yang menjadi bahasa perhubungan sehari-hari dengan orang Melayu.

---

<sup>37</sup> sila lihat jadual 1e, ms.21

d. Kahwin campur

Institusi kahwin campur biasanya dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam proses assimilasi.<sup>38</sup> Kerana kahwin campur dapat menyatupadukan dua anggota masyarakat yang berlainan etnik dan kebudayaan. Pada praktisnya terdapat banyak rintangan yang timbul dalam soal kahwin campur seperti faktor ugama dan adat resam anggota etnik yang berkenaan. Orang-orang bukan Melayu sukar sekali untuk berkahwin dengan orang-orang Melayu yang menghendaki kekasihnya memeluk ugama Islam terlebih dahulu. Sebab itulah Juliet Edmonds berkata,

" as far as is known from the evidence available, intermarriage between Chinese and Malays in Malaya has not been frequent".<sup>39</sup>

Daripada responden Melayu yang ditanyakan tentang soal kahwin campur, 9(30%) orang mengatakan kahwin campur 'tidak baik langsung'; manakala 21(70%) orang menjawab 'tidak tahu'. Tidak seorang pun yang mengatakan kahwin campur itu adalah baik. Bila ditanya sebab-sebab yang mendorong mereka menjawab demikian rupa, mereka mengatakan kahwin campur akan membawa beberapa masaalah sosio-budaya. Masaalah yang sering ditimbulkan adalah berkaitan dengan soal adat resam, ugama dan cara hidup. Hampir semua responden Melayu berpendapat bahawa kelamin

---

<sup>38</sup> Juliet Edmonds, 'Religion, Intermarriage and Assimilation: The Chinese in Malaya,' dalam Race, Vol.X, No.1, July 1968, ms.58

<sup>39</sup> ibid, ms.59

Cina-Muslim tetap mengekalkan budaya dan cara hidup mereka sebagai orang Cina.

Kepada soalan memberi izin kepada anak perempuan mereka berkahwin dengan pemuda Cina-Muslim, berbagai jawapan telah diberi. Tidak seorang pun yang setuju dengan cadangan itu. 3(10%) orang responden Melayu yang mempunyai anak dara mengatakan 'keberatan untuk memberi izin'. Ini menunjukkan yang mereka lebih suka anak perempuan mereka dikahwinkan dengan pemuda Melayu. 15(50%) orang lagi menjawab 'akan membantah dengan sepenuh hati'; dan 12(40%) orang menjawab 'tidak tahu'. Jawaban 'tidak tahu' diberi kerana soal kahwin adalah soal masa akan datang.

Berlainan pula jawapan yang diberikan oleh responden Cina-Muslim terhadap soal kahwin campur. Didapati 23(76.7%) orang mengatakan bahawa 'kahwin campur adalah baik'; manakala 7(23.3%) orang mengatakan 'tidak tahu'. Sebenarnya kesemua responden Cina-Muslim yang penulis temui merasa 'kurang pasti' terhadap pertanyaan kahwin campur. Pada hakikatnya kebanyakan responden yang memberi jawaban 'baik' terhadap soal kahwin campur adalah semata-mata untuk 'memuaskan hati penulis'. Ini lojik sekali kerana ramai diantara mereka terdiri dari orang yang belum kahwin dan belum punya anak lagi.

Di tempat kajian hanya terdapat dua orang responden Cina-Muslim yang telah berkahwin dengan gadis Melayu. Kedua-dua responden ini telah menganut ugama Islam sebelum mengahwini gadis Melayu itu. Penulis diberitahu yang mereka menjadi Muslim bukan kerana desakan kahwin, tapi kerana Allah.

e. Kematian(Bemujaan Nenek Moyang)

Amalan 'pemujaan nenek moyang' atau 'ancestor worship' merupakan satu ciri penting didalam kebudayaan orang-orang Cina. Amalan ini biasanya dilakukan pada hari perayaan Cing Bing yang dikenali juga dengan nama 'Feast of the Tombs' pada setiap tahun awal bulan April.

Di dalam setiap keluarga Cina, adalah menjadi hak dan tanggungjawab anak lelaki yang sulung untuk melakukan dan melihat supaya segala peralatan pemujaan nenek moyang berada dalam keadaan baik. Ini termasuklah 'family alter', 'tablets', dan 'prayer rites'. Di dalam upacara ini, semua adik-beradik dan saudara lelaki dikehendaki mengambil bahagian dalam upacara tersebut.

Amalan 'pemujaan nenek moyang' adalah bertentangan dengan ajaran ugama Islam. Namun demikian terdapat sebilangan besar orang Cina-Muslim yang masih mengamalkan tradisi 'pemujaan nenek moyang'. Misalnya, terdapat 24(80%) orang yang 'masih mengamalkan lagi'; berbanding dengan 6(20%) orang yang 'tidak mengamalkan lagi'. 80% orang yang 'masih mengamalkan lagi' terdiri dari golongan tua dan muda, yang sudah kahwin dan yang masih bujang lagi. Di rumah mereka terdapat 'family alter', 'tablets', 'prayer rites', dan 'patong ketuhanan mereka'. Daripada 6 orang yang 'tidak mengamalkan lagi', 2 orang sudah berumahtangga dengan gadis Melayu, manakala 4 orang lagi terdiri dari pemuda yang belum berumahtangga.

f. Kenduri Kendara/Membaca Doa Selamat

Di dalam masyarakat Melayu kehidupan sosial yang penting adalah terdiri dari berbagai-bagai kenduri-kendara yang diadakan pada masa-masa tertentu. Biasanya sebelum kenduri-kendara ini dijalankan, terlebih dahulu diadakan upacara membaca ayat-ayat suci dari Kitab Al-Kuran. Oleh kerana masalah pengendalian kenduri-kendara yang bersangkutan dengan adat-adat Melayu dan juga kerana kurang pegetahuan membaca ayat-ayat suci Kuran, maka terdapat sebilangan besar orang Cina-Muslim tidak pernah mengadakan majlis membaca doa selamat di rumah masing-masing. Bilangan peratus responden Cina-Muslim yang tidak pernah mengadakan majlis membaca doa selamat ialah 93.3%, termasuk dua orang Cina-Muslim yang telah menunaikan fardhu haji! Hanya 2(6.7%) orang Cina-Muslim yang pernah mengadakan majlis membaca doa selamat. Mereka terdiri dari pembantu muballigh dan seorang Cina-Muslim yang telah berumah-tangga dengan gadis Melayu, dan kini tinggal dalam kawasan Melayu. Hanya pembantu muballigh saja yang kerap mengadakan majlis membaca doa selamat seperti di dalam upacara mengislamkan orang Cina yang baru memeluk ugama Islam. Manakala seorang lagi mengadakan majlis membaca doa selamat sempena kelahiran anak sulungnya. Itu pun, bapa martuanya (seorang Melayu) yang mengendalikan upacara kenduri dan membaca doa selamat.

g. Ugama/ Sembahyang

Budaya Melayu adalah berlandaskan budaya Islam. Antara Islam dengan orang Melayu hubungan yang tetap dan rapat wujud. Oleh kerana Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam dan Islam pula menguasai seluruh gerak-geri hidup dan mati pengikutnya, maka orang Cina-Muslim harus mengikuti segala ajaran Islam yang diamalkan oleh orang Melayu. Misalnya, kepada orang Melayu upacara ugama seperti 'bersembahyang' adalah penting dan wajib dilakukan oleh setiap orang yang berugama Islam. Dengan 'bersembahyang' di mesjid oleh orang Cina-Muslim secara tidak langsung dapat mereka merapatkan diri dan diterima oleh orang Melayu.

Daripada pemerhatian dan perbualan 'informal' dengan responden Melayu di mesjid, penulis dapati kadar sembahyang berjemaah di mesjid oleh orang Cina-Muslim adalah rendah sekali. Imam mesjid Sungai Way New Village memberitahu penulis bahawa sepanjang pengetahuan beliau, tidak terdapat seorang pun Cina-Muslim yang pernah datang bersembahyang di mesjid tersebut. Pendapat Tok Imam ini disokong pula oleh beberapa orang Melayu yang sempat penulis temui semasa menunaikan sembahyang Maghrib dan Isha'di mesjid itu. Daripada pemerhatian penulis sendiri, hanya terdapat Pembantu Muballigh yang kerap datang ke mesjid menunaikan sembahyang Jumaat. Bila ditanya kenapa tidak terdapat Cina-Muslim yang lain datang bersembahyang ke mesjid Sungai Way New Village, alasan beliau ialah mereka 'sibuk dengan kerja' dan 'mungkin mereka bersembahyang di tempat lain'.

h. Kesimpulan

Bab ini telah menunjukkan kadar 'assimilasi kebudayaan' yang berlaku di tempat kajian. Assimilasi kebudayaan dilihat dari segi pakaian , makanan, bahasa, kahwin campur, kematian kenduri-kendara dan membaca doa selamat, dan ugama yang bersangkut paut dengan upacara sembahyang.

Dari penganalisaan diatas, diadapati kadar assimilasi kebudayaan di tempat kajian adalah rendah sekali. Contoh yang paling menonjol sekali ialah dari aspek sembahyang. Daripada 30 responden Cina-Muslim yang penulis temui , hanya pembantu muballigh yang kerap menunaikan sembahyang Jumaat di mesjid Sungai Way New Village.

Boleh dikatakan orang Cina-Muslim di tempat kajian ini mengambil sikap yang tidak serius terhadap soal ugama baru mereka, iaitu ugama Islam. Sebagai contoh lagi, terdapat 80% responden Cina-Muslim yang masih mengamalkan tradisi 'pemujaan nenek moyang'; satu amalan yang tidak selari dengan ajaran Islam.

Dari segi kahwin campur terdapat dua orang Cina-Muslim telah berkahwin dengan gadis Melayu. Boleh dikatakan dalam aspek ini terdapat assimilasi kebudayaan, walaupun kadar kahwin campur masih belum menggalakan lagi.

#### BAB 4

#### MASAALAH ASSIMILASI/FAKTOR PENGHALANG PROSES ASSIMILASI

Dalam bab tiga, beberapa aspek assimilasi kebudayaan yang terdapat di tempat kajian telah dibincangkan. Hasil dari perbincangan itu, didapati kadar assimilasi kebudayaan yang terdapat di tempat kajian adalah rendah sekali. Jadi, dalam bab ini perbincangan selanjutnya adalah berkenaan faktor-faktor yang menghalang ataupun melambatkan proses assimilasi di tempat kajian.

##### a. Sikap Mengasingkan Diri

Salah satu faktor yang menghalang proses assimilasi ialah sikap golongan pendatang(Cina-Muslim) yang sengaja mengasingkan diri dari masyarakat tempatan (orang Melayu) dan tinggal sesama mereka sahaja. Pengasingan tempat tinggal mengikut kaum akan melemahkan interaksi sosial, dan seterusnya akan menghalang proses assimilasi.

Oleh kerana penduduk Cina di tempat kajian merupakan golongan terhesar (67.7% penduduk Cina berbanding dengan 18% penduduk Melayu) , maka ia menjadi kuasa penarik bagi orang-orang Cina yang datang ke Sungai Way New Village supaya tinggal dalam kawasan kediaman orang-orang Cina. Daripada 30 orang responden Cina-Muslim yang ditemui, hanya 2 orang tinggal dalam kawasan Melayu.

Sikap suka berkelompok dan tinggal bersama kaum sendiri adalah merupakan satu ciri hidup dalam kebudayaan orang Cina.<sup>40</sup> Mengenai organisasi hidup orang Cina ini, Guy Hunter berkata,

" this Chinese habit of organisation is  
a major danger to race relationships".<sup>41</sup>

Dari segi organisasi kaum Cina amat terikat sekali pada institusi kekeluargaan, klas, dialek, dan kumpulan perniagaan.<sup>42</sup> Sifat berorganisasi mengikut garis kaum seumpama ini juga melibatkan orang-orang Cina-Muslim di tempat kajian. Sepatutnya mereka harus menyesuaikan diri dan tinggal berdekatan ataupun berjiranan dengan orang-orang Melayu. Perkara ini perlu dilakukan kerana satu ciri proses assimilasi ialah penyesuaian hidup yang dibuat oleh golongan pendatang (Cina-Muslim) kedalam budaya man masyarakat tempatan (orang Melayu). Dengan cara ini mereka dapat melahirkan perasaan kesedaran dan menghilangkan perasaan prasangka yang ada pada orang Melayu terhadap orang Cina-Muslim.

Pengasingan tempat tinggal mengikut etnik tidak memungkinkan interaksi sosial yang sihat dan mesra diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu. Jadi, tidak hairanlah kalau terdapat 86.7% orang responden Melayu yang 'tidak sedar' bahawa di kawasan Sungai Way New Village adanya orang-orang Cina yang telah

<sup>40</sup> tidak dinafikan hidup berkelompok sesama kaum juga terdapat dikalangan orang-orang Melayu.

<sup>41</sup> Guy Hunter, South East Asia-Race, Culture, and Nation; Oxford University Press, London, 1966, ms.43-44

<sup>42</sup> Chew Hock Thye, Masalah Perpaduan Nasional, D.E.P., K.L., 1975, ms.1

memeluk ugama Islam. Unsur 'tidak sedar' tentang kewujudan orang Cina-Muslim oleh penduduk Melayu di tempat kajian telah menimbulkan berbagai prasangka dikalangan orang Melayu. Walaupun ramai responden Melayu tidak pernah berjumpa, jauh sekali berbual dengan orang Cina-Muslim, namun terdapat pandangan yang stereotype dikalangan mereka seperti soal siapa dia yang dikatakan Cina-Muslim itu; apakah tujuan mereka memeluk ugama Islam; dan bagaimana mereka menggunakan kesempatan sebagai Muslim mencari kekayaan mendapatkan lesen perniagaan dan sebagainya. Perasaan prasangka dikalangan orang Melayu akan dibincangkan dibawah tajuk 'sikap orang tempatan'.

b. Sikap orang tempatan

Lagi satu faktor yang menghalang proses assimilasi ialah sikap penduduk tempatan (orang Melayu) yang enggan menerima golongan pendatang (Cina-Muslim).

Peringkat sikap menekankan kepada aspek-aspek prasangka dan stereotype (anggapan). Kalau seorang yang berprasangka terhadap kaum lain maka penilainnya dan anggapannya terhadap kaum itu mungkin dikawal oleh prasangkannya. Sebenarnya prasangka itu adalah satu generalisasi mengenai sesuatu keadaan. Biasanya generalisasi itu tidak objektif dan ia membuka jalan kepada sesuatu tindakan yang kurang sihat.<sup>43</sup>

---

<sup>43</sup> Michael Banton, Race Relations, Tavistock Publications, London, ed; 1970, ms.315

Selalunya sesuatu prasangka itu sukar untuk dihapuskan melainkan telah terbukti dengan penuh kesedaran bahawa ia tidak benar. Kesedaran ini mungkin dari penglihatannya sendiri atau melalui penerangan-penerangan dari sumber-sumber yang dipercayainya.

Walaupun terdapat 13.3% responden Melayu yang 'sedar' adanya orang Cina-Muslim di kampong mereka, dan walaupun terdapat ramai responden Melayu 'merasa gembira' melihat orang Cina peluk ugama Islam, namun terdapat 100% responden Melayu memendam perasaan prasangka dan stereotype terhadap mereka. Diantara stereotype yang ada pada orang Melayu mengenai orang Cina-Muslim ialah, "orang Cina tidak boleh dipercayai". Walaupun mereka telah memeluk ugama Islam, orang Melayu tetap mencurigai mereka, dan tidak mahu menerima mereka sebagai setaraf dan setanding dengan orang Melayu yang berkebudayaan Islam. Stereotype ini lahir dari perasaan marah mereka terhadap orang Cina, terutama dalam urusan perniagaan dan politik. Dalam urusan perniagaan orang Melayu menganggap bahawa kedudukan mereka sentiasa dimanipulasi oleh orang Cina terutama dari segi harga barang-barang keperluan sehari-hari. Mereka juga menganggap bahawa orang Cina tidak boleh 'dimanja-manjakan' dalam soal politik di Malaysia, kerana Peristiwa 13 Mei sudah cukup menjadi pengajaran kepada orang Melayu bahawa "orang Cina tidak boleh dipercayai",

<sup>44</sup> pada 13hb.Mei 1969 berlaku rusuhan kaum antara orang Melayu, Cina dan India, dimana orang Cina cuba mengambil alih kerajaan Melayu.

Jadi sejarah hubungan kaum antara orang Cina dengan orang Melayu di Semenanjung Malaysia telah mencorak satu pemikiran stereotype dikalangan orang Melayu bahawa 'orang Cina tidak boleh dipercayai'. Ringkasnya, orang Melayu masih belum bersedia menerima orang Cina-Muslim sebagai saudara seugama dengan mereka .

c. Perbezaan Etnik dan Warna Kulit

Perasaan prasangka dan stereotype diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu berkait rapat dengan soal etnik dan warna kulit. Perbezaan etnik dan warna kulit sering menjadi faktor utama menghalang proses assimilasi sebagaimana yang terdapat dalam hubungan antara orang kulit hitam dengan orang kulit putih di Afrika Selatan, Rhodesia dan Amerika Syarikat.

Perbezaan warna kulit menimbulkan perbezaan nilai dan sifat ethnocentrism. Ethnocentrism ialah keadaan dimana ada anggota-anggota dalam satu kumpulan itu yang memangjang atau percaya bahawa segala aspek daripada masyarakatnya misalnya aspek ugama, bahasa, dan adat dianggap lebih baik lebih tinggi dan 'natural' daripada aspek-aspek masyarakat lain.<sup>45</sup> Perasaan keutamaan yang dipunyai oleh anggota-anggota masyarakat terhadap kebudayaan mereka ini adalah

---

<sup>45</sup> Charles Wagley & Marvin Harris, 'Minorities in The New World, Six Case Studies', Columbia University Press, New York and London, 1964, ms. 258

salah satu faktor yang menyatupadukan dan menimbulkan perasaan kekitaan dalam kehidupan satu-satu kumpulan.

Perasaan etnocentrism jelaskan kelihatan dalam issue kahwin campur. Hampir semua responden Melayu yang ditemui tidak gemar pada soalan kahwin campur. Mereka lebih suka melihat anak-anak mereka dinikahkan dengan orang Melayu. Dengan cara ini bukan saja ia dapat mengekalkan 'darah Melayu', tetapi juga mengekalkan adat resam dan kebudayaan orang Melayu.

Perasaan etnocentrism dikalangan orang Melayu berkenaan ugama Islam begitu mendalam sekali sehingga terdapat beberapa orang responden Melayu mengatakan yang orang Cina-Muslim seolah-olah mempermainkan ugama Islam dengan tidak memandang serius terhadap ugama itu. Perkara ini akan dibincang dengan lebih lanjut dibawsh tajuk 'identiti Melayu dengan ugama Islam'.

d. Identiti Melayu dengan ugama Islam

Ugama Islam menjadi faktur integrasi dan identiti masyarakat Melayu. Timbul semangat keagungan ugama dan kebudayaan yang memberi sigat bangsa atau etnik kepada formula itu supaya Islam dan Melayu tidak dibezakan.

Bila timbul perasaan identifikasi etnik dengan ugama, secara tidak langsung perasaan itu menghindar dan melemahkan proses assimilasi. Abdo A Elkholy yang membuat kajian mengenai golongan Arab Muslim di Amerika Syarikat berkata,

" when religion is identical with nationality or race it tends to strengthen the group solidarity and thus weaken the process of its assimilation with the adopted culture".<sup>46</sup>

Kenyataan Abdo A Elkholy memang ada kebenarannya bila membincangkan hubungan orang Melayu dengan Cina-Muslim di Sungai Way New Village. Di dapati orang Melayu di tempat kajian menganggap ugama mereka, iaitu ugama Islam sebagai 'sacred' atau suci. Kesemua responden yang ditemui mengambil sikap 'akan mempertahankan' ugama mereka daripada sebarang pencerobohan yang mungkin dibuat oleh golongan etnik lain. Kerana perpaduan Islam dan Melayu sangat kukuh, maka fahaman komunis tidak begitu popular dikalangan orang-orang Melayu. Aspek 'national solidarity' berteraskan ugama dikalangan orang Melayu, telah menimbulkan berbagai sikap negatif seperti 'enggan menerima' dan 'merasa ragu' akan sebarang usaha kumpulan etnik lain seperti orang Cina yang telah

---

<sup>46</sup> Abdo A Elkholy, op.cit; 1966, ms.67

memeluk ugama Islam. Mereka rasa sangsi samaada orang Cina-Muslim benar-benar jujur atau tidak dengan ugama baru mereka itu. Iaitu, orang-orang Melayu khuatir tentang pembawaan Islam oleh golongan Cina-Muslim. Keraguan orang-orang Melayu ini memang ada asasnya kerana didapati kurang interaksi sosial diantara kedua-dua golongan Cina-Muslim dan orang Melayu. Sebahagian besar responden Melayu tidak kenal dengan orang Cina-Muslim. Jadi pendapat orang Melayu tentang Cina-Muslim adalah andaian atau assumption sahaja. Andaian ini dibuat kerana ujud perasaan stereotype dikalangan orang Melayu yang 'orang Cina tidak boleh dipercayai'. Pemikiran stereotype seperti ini dikenakan kepada orang Cina-Muslim. Tetapi terdapat juga beberapa orang responden Melayu yang kenal dengan Cina-Muslim tidak mempunyai pemikiran yang negatif terhadap orang-orang Cina yang telah memeluk ugama Islam. Misalnya pembantu mubaligh adalah seorang Cina-Muslim yang mempunyai ramai sahabat Melayu. Namun begitu pada hakikatnya 100% responden Melayu mencurigai kemasukan kaum lain kedalam ugama mereka. Perasaan curiga ini dikaitkan dengan soal 'hak istimewa orang Melayu' yang diperuntukkan oleh perlembagaan Malaysia. Ini akan dibincangkan selanjutnya.

e. Soal Hak Istimewa Orang Melayu

Satu lagi faktor yang menghalang proses assimilasi ialah bila terdapatnya undang-undang dan kuatkuasa yang memberi keutamaan kepada anak negeri (bumiputra) dari segi kerakyatan, pekerjaan, biasiswa, lesen perniagaan dan sebagainya. Artikel 153 dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan kedudukan hak istimewa orang-orang Melayu sebagai,

"... the Yang Di Pertuan Agung shall exercises his functions under this constitution and federal law in such manner as may be necessary to safeguard the special position of the Malays and to ensure the reservation for Malays of such proportion as he may deem reasonable of positions in the public service and of scholarships, exhibitions and other similar educational or training privileges ...".<sup>47</sup>

Soal hak istimewa orang Melayu timbul dalam setiap jawapan yang diberikan oleh responden Melayu bila ditanya tentang tujuan orang-orang Cina memeluk ugama Islam. Walaupun semua responden Melayu bersedia menerima mereka sebagai saudara seugama dengan mereka, namun kesemua orang Melayu

<sup>47</sup> Mohamad bin Abdullah, Malaysia Federal Constitution, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1970. ms.156

tidak bersedia, mala<sup>jan</sup>an tidak maju langsung memberi 'hak istimewa' yang diperuntukan oleh undang-undang kepada mereka. Soal 'hak istimewa' juga dibangkitkan oleh Tunku Abdul Rahman selaku ketua PERKIM dengan mengatakan bahawa,

" it is my hope and earnest prayer that our benevolent Government can take into consideration the new Muslims and give the Malausian born converts who are citizens of this country, equal rights and equal opportunities as the Bumiputras".<sup>48</sup>

Sekiranya cita-cita dan hasrat Tunku direstui oleh kerajaan Malaysia, kemungkinan besar akan terdapat bilangan orang Cina yang ingin memeluk ugama Islam akan bertambah. Dengan menjadi seorang Muslim mereka boleh menikmati segala 'hak istimewa' orang Melayu. Sudah tentu orang-orang Melayu akan merasa bimbang jika bilangan orang Cina yang masuk Islam bertambah, ini akan menyekat berbagai-bagai peluang yang mereka kecap selama ini. Rasa tidak setuju dengan bertambahnya bilangan Cina-Muslim ini sebenarnya telah banyak disuarakan seperti yang terdapat di tempat kajian dan juga di tempat lain. Misalnya, Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Seri Gading Batu Pahat pernah menyeru kerajaan supaya mengkaji semula perjalan PERKIM yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.<sup>49</sup> Pergerakan itu mendakwa ada setengah-setengah orang

<sup>48</sup> Islamic Herald, vol.1 No.8, August, 1975, ms.12

<sup>49</sup> Akhbar Suara Rakyat, 22hb.November, 1975,ms.7

orang Cina-Muslim yang memeluk ugama Islam kerana mempunyai tujuan tertentu, bukan kerana Allah.

Pendapat stereotype dikalangan orang Melayu tentang tujuan Cina-Muslim adalah bertentangan sekali dengan pendapat yang diberikan oleh responden Cina-Muslim mengenai issue 'hak istimewa'. Didapati 30(100%) responden Cina-Muslim 'tiada mengharapkan sebarang bentuk kemudahan ataupun bantuan'. Sebaliknya mereka peluk ugama Islam adalah kerana 'kahwin'(3.3%), 'kawan suruh'(46.7%), dan 50% pula kerana 'ugama Islam lebih baik dari ugama asal mereka'. Samaada jawapan yang diberikan oleh responden Cina-Muslim adalah jujur atau tidak, sukar untuk dibuat ukuran. Namun begitu terdapat dua kes dimana dua orang responden Melayu telah mengisahkan bagaimana dua orang Cina-Muslim datang ke rumah mereka dengan tujuan mendapatkan kontrek membina rumah. Kedua-dua orang Cina-Muslim itu telah menunjukkan 'Surat Akuan Memeluk Ugama Islam' yang berwarna merah untuk mempengarohi keputusan orang Melayu tersebut supaya memberikan 'tender' membuat rumah kepada mereka.

Disebabkan kesemua responden Melayu merasa ragu dan sangsi akan tujuan orang Cina memeluk ugama Islam, penulis dapati soal 'hak istimewa' atau 'vested interest' orang Melayu telah menjadi salah satu faktor penting yang menghalang proses assimilasi.

f. Kesimpulan

Bab ini telah membincang beberapa faktor penting yang menghalang proses assimilasi. Diantaranya termasuklah sikap orang Cina-Muslim yang mengasingkan diri mereka dari orang Melayu. Pengasingan diri bukan saja dari segi tempat tinggal, tetapi juga dari segi pergaulan. Akibat kurang interaksi sosial diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu, didapati ramai penduduk Melayu tidak sedar di kampong mereka terdapat orang-orang Cina yang telah memeluk ugama Islam.

Unsur 'tidak sedar' inilah yang mengakibatkan ujudnya perasaan prasangka dan stereotype dikalangan orang Melayu bahawa 'orang Cina tidak boleh dipercayai'. Walau pun terdapat orang Cina yang telah memeluk ugama Islam, orang Melayu merasa sangsi terhadap tujuan mereka yang sebenar.

Sebenarnya, apa yang berlaku ialah pertentangan nilai diantara dua kaum yang berlainan warna kulit. Pertentangan nilai ini bertambah sulit lagi dengan tiadanya usaha yang dibuat oleh orang Cina-Muslim untuk merapatkan diri dengan orang Melayu seperti bersembahyang 'jemaah' di mesjid.

## BAB 5

### PENUTUP

- i. Kesimpulan
- ii. Pluralisma atau Assimilasi?
- iii. Cadangan

Setelah kita melihat proses assimilasi dalam tiap-tiap aspek kehidupan masyarakat yang dikaji, maka kita akan dapat mengambil beberapa kesimpulan. Dalam bab ini akan dibincangkan sejauh manakah terdapat kebenaran dalam hipotesis yang telah dikemukakan pada awal penulisan ini.<sup>50</sup> Juga akan dilihat samaada teori-teori assimilasi yang dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi itu dapat digunakan dalam kontek masyarakat tempatan. Akhir sekali beberapa cadangan untuk mengatasi masaalah assimilasi diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu akan dikemukakan.

#### i. Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat dalam kajian ini ialah bahawa kadar assimilasi antara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu di Sungai Way New Village adalah rendah sekali. Selain daripada dua kes kahwin campur diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu, tidak terdapat sebarang bentuk

<sup>50</sup> sila lihat Bab Pendahuluan, ms.3

assimilasi kebudayaan yang lain. Hubungan sosial dalam majlis kenduri kendara, majlis kahwin, dan majlis membaca doa selamat juga tidak terdapat di tempat kajian. Sepanjang kajian ini dijalankan tidak terdapat sebarang perjumpaan secara 'collective' diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu.

Bertolak dari kenyataan diatas, dapat kita lihat dan menganalisa akan kebenaran haipotesis-haipotesis yang disarankan pada awal penulisan ini.

Di dalam haipotesis pertama dikatakan bahawa,

" dalam sebuah masyarakat yang golongan pendatangnya adalah kecil bilangannya, kemungkinan untuk ujud assimilasi dengan penduduk tempatan adalah besar", penulis dapati haipotesis tersebut tidak benar dan tidak tepat dalam kontek masyarakat yang dikaji di Sungai Way New Village. Faktor lain seperti 'nisbah penduduk' dan 'kawasan kediaman' adalah lebih berkesan mempengaruhi hubungan Cina-Muslim dengan orang Melayu.

Nisbah penduduk Cina berbanding dengan penduduk Melayu di Semenanjung Malaysia adalah tidak banyak bezanya. Ini dapat dilihat dalam jadual dibawah ini,

Jadual 5.1

<u>BILANGAN PENDUDUK SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI TAHUN 1976</u>	
KAUM	BILANGAN
Melayu	5.49 juta
Cina <sup>51</sup>	3.62 "
India	1.08 "
Lain-Lain	0.08 "
Jumlah	10.27 "

sumber: Economic Report 1976/77

Ministry of Finance, Malaysia, 1976, ms.5

Walaupun penduduk Melayu adalah lebih ramai daripada penduduk Cina seperti yang terdapat dalam jadual diatas, namun bilangan penduduk Cina di kawasan bandar adalah jauh lebih ramai daripada penduduk Melayu. Mengikut Lapuran Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970,<sup>52</sup> didapati dikalangan orang Melayu hanya 15% tinggal di kawasan-kawasan bandar dengan 85% lagi tinggal di kawasan luar bandar.

<sup>52</sup> Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, ms.5

<sup>51</sup> orang Cina-Muslim termasuk dalam kiraan etnik Cina

Dikalangan orang Cina 46.3% tinggal di kawasan bandaran berbanding dengan 53.7% di kawasan luarbandar.

Di Sungai Way New Village pula, didapati penduduk Cina berjumlah 67.7% berbanding dengan penduduk Melayu yang berjumlah 16.7%.<sup>53</sup> Oleh kerana penduduk Cina adalah lebih ramai daripada penduduk Melayu, maka ujud semacam 'pull-factor' atau 'kuasa penarik' terhadap orang Cina-Muslim yang datang berhijrah dan menetap di kawasan Sungai Way New Village. Penulis dapati hanya dua orang Cina-Muslim yang benar-benar tinggal dalam kawasan perkampongan orang Melayu. Ini bermakna bahawa sebahagian besar orang Cina-Muslim tinggal dalam kawasan kediaman orang Cina. Perkara ini berlaku mungkin kerana orang Cina-Muslim merasakan amat senang bergaul dengan masyarakat Cina disebabkan sama warna kulit, sama bahasa, sama cara hidup, dan juga mempunyai kepentingan bersama atau 'vested interest' dalam bidang ekonomi dan sosial. Kesimpulannya ialah, walaupun orang Cina-Muslim merupakan golongan minoriti, tetapi oleh kerana faktor sosio-budaya yang sama dengan masyarakat Cina yang tidak berugama Islam, maka proses penyerapan kedalam masyarakat dan budaya Melayu adalah menjadi satu perkara yang rumit dan sukar berlaku.

Didalam hipotesis kedua pula dikatakan bahawa '

---

<sup>53</sup> op cit, 1972, ms.269

" faktor yang menyebabkan assimilasi dalam sesebuah masyarakat bukanlah persamaan etnik, tetapi adalah persamaan ugama." Hal ini juga didapati tidak benar. Penulis dapati faktor warna kulit dan latarbelakang sosio-budaya yang berlainan menjadi halangan besar kepada proses assimilasi. Walaupun orang Cina telah memeluk ugama Islam, orang Melayu tetap menganggap mereka sebagai orang asing, Pendirian orang Melayu terhadap orang-orang Cina-Muslim adalah penuh dengan perasaan curiga dan prasangka. Sikap seperti ini tidak berlaku sangat pada orang Jawa, orang Aceh, orang Minangkabau , dan orang Boyan yang memeluk ugama Islam, walaupun mereka berasal dari Indonesia. Berkenaan hal ini Isamail Kassim berkata,

"... the migration of the Malays can  
be considered as intra-regional ,  
whereas for other communities it is  
inter-regional..."<sup>54</sup>

'Intra-regional' bermaksud yang orang -orang Melayu di Semananjung Malaysia datang dari satu kawasan yang sama yang dipanggil 'Gugusan Kepulauan Melayu' atau 'The Malay Archipelago. Sebaliknya 'inter-regional' merujuk kepada penduduk Cina di Semenanjung Malaysia yang berasal dari negeri Cina. Jadi faktor tempat asal orang Cina-Muslim dengan orang Melayu juga mempengaruhi nilai dan sikap

<sup>54</sup> Ismail Kassim, Problems of Elite Cohesion-A Perspective From a Minority Community, Singapore University Press, 1974, ms.30

dalam hubungan sosial mereka. Kesimpulannya, faktor ugama saja tidak mencukupi untuk melahirkan keadaan assimilasi yang mutlak; perlu ada angkubah-angkubah lain seperti nilai dan sikap yang positif terhadap kumpulan lain.

ii. Pluralisma atau Assimilasi?

Masa depan orang Cina-Muslim dari segi hubungan dengan orang Melayu bergantong kepada dua 'alternative' atau pilihan yang boleh mereka buat. Pilihan tersebut ialah,

- a.) jikalau garis sempadan dari segi budaya dan nilai diantara kedua-dua kumpulan etnik ini masih dikekalkan akibatnya proses assimilasi agak sukar untuk berlaku.
- b) jikalau terdapat perubahan identiti secara meluasnya dikalangan orang Cina-Muslim, akibatnya proses assimilasi boleh berlaku tanpa banyak halangan.

Sebagai golongan minoriti, orang Cina-Muslim harus mengambil inisiatif yang lebih berkesan lagi untuk merapatkan diri dengan orang Melayu. Samaada orang Cina-Muslim akan membuat pilihan untuk meresap kedalam masyarakat dan budaya Melayu bergantong pula pada tujuan atau 'aim' dan matlamat atau 'goal' yang hendak dicapai. Berkenaan hal ini Louis Wirth

menggariskan empat pilihan yang buleh dibuat oleh mereka. Matlamat kumpulan minoriti boleh berbentuk ' secessionist', 'militant', 'pluralistic', dan 'assimilationist'.<sup>55</sup>

- a) matlamat pluralistic merujuk kepada keinginan kumpulan minoriti untuk mengekalkan identiti dan budaya mereka.
- b) matlamat assimilationist merujuk kepada kumpulan minoriti yang menghapuskan identiti mereka sebagai kumpulan yang berasingan, dan mula menyerap dan bersatu dengan kumpulan majoriti atau 'dominant group'.
- c) matlamat secessionist merujuk kepada kumpulan minoriti yang mempunyai cita-cita untuk memegang kuasa politik dan mendapatkan kebebasan kebudayaan dari golongan majoriti.
- d) matlamat militant merujuk kepada keadaan dimana kumpulan minoriti cuba menguasai kumpulan majoriti dan kumpulan minoriti yang lain.

Mengikut Wagley dan Harris tujuan dan cita-cita yang bercorak secessionist dan militant dikalangan kumpulan minoriti adalah jarang berlaku. Yang kerap berlaku ialah pemilihan yang bercorak pluralisma ataupun assimilasi.<sup>56</sup>

<sup>55</sup> Louis Wirth, "The Problem of Minority Groups," dalam Ralph Linton, ed. 'The Science of Man in the World Crisis', New York, Columbia University Press, 1945, ms.347-72

<sup>56</sup> Wagley & Harris, op.cit., 1970, ms.287

Pluralisma bagi Wagley dan Harris bererti,

" a continuation of the minority as a distinct unit within the larger society".<sup>57</sup>

Ini bermakna bahawa ciri-ciri etnocentrisme akan terus ujud dalam hunungan orang Cina-Muslim dengan orang Melayu, Misalnya, mungkin orang Cina-Muslim menganggap kebudayaan mereka lebih tinggi atau 'superior' dari kebudayaan orang Melayu, dan sebaliknya pula mungkin orang Melayu menganggap kebudayaan mereka lebih tinggi atau 'superior' dari kebudayaan orang Cina-Muslim. Sikap begini menimbulkan perasaan perkauman yang kurang sihat pada proses assimilasi . Keadaan harmoni akan hanya ujud bila terdapat ciri-ciri saling hormat dan menghormati serta 'give and take policy'. Keadaan pluralistic tidak baik kerana ia memisahkan dua kaum dan melahirkan sikap yang tidak sihat dalam hubungan mereka.

Orang Cina-Muslim boleh juga pilih jalan kearah assimilasi. Assimilasi bagi Wagley dan Harris bererti,

"... a decline in the sentiment of attachment to the group (i.e. the minority group)... to abandon the special cultural traits which set them off from the majority... (and) those groups which are distinguished from the majority by physical traits must be in time become absorbed into the larger population by miscegenation, if they are to be assimilated..."<sup>58</sup>

57 Wagley & Harris, op.cit., 1970, ms.287

58 ibid, ms.88

Untuk mencapai matlamat assimilasi, orang Cina-Muslim terlebih dahulu mesti mengurangkan, ataupun menghapuskan samasekali perasaan kekitaan berdasarkan kaum mereka sendiri. Juga mereka mesti mengikiskan samasekali semua ciri-ciri budaya Cina yang menjadi perbezaan dengan budaya orang Melayu. Dalam jangka masa panjangnya, mereka akan mempunyai identiti yang lebih mirip kepada masyarakat dan budaya Melayu, daripada masyarakat dan budaya Cina.

Kedua-dua 'alternative' atau pilihan tadi, iaitu assimilasi dan pluralisma, tidak semestinya seratus peratus dapat menyelesaikan masaalah assimilasi. Ada dua sebab mengapa kumpulan minoriti biasanya tidak mencapai matlamat yang dituju oleh mereka. Pertama, diantara mereka (Cina-Muslim) sendiri tidak terdapat kata-sepakat untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam kontek masyarakat Cina-Muslim di Sungai Way New Village, faktor ini disebabkan oleh tiadanya 'collective representation' dalam bentuk sebuah badan atau persatuan. 'Collective representation' hanya ujud di peringkat pusat dimana semua responden Cina-Muslim di tempat kajian menjadi ahli PERKIM. Kerana tidak ada 'collective representation' di peringkat cawangan, maka tidak mungkin ujudnya perjumpaan secara kumpulan untuk membincang masaalah kepentingan bersama.

Sebab kedua ialah, hubungan minoriti (Cina-Muslim) dengan majoriti (orang Melayu) bergantung kepada kepentingan

yang hendak dipertahankan oleh masing-masing pihak.

Hubungan majoriti dan minoriti dapat dilihat dalam kata-kata Simpson dan Yinger yang berbunyi,

" it is generally the interacting aims of the dominant and minority groups that determines the direction of the integration of a minority into the larger society".<sup>59</sup>

Dari kenyataan diatas, dapat dimengertikan bahawa corak hunungan sosial yang ujud diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu lah yang menentukan arah 'pluralisma' ataupun 'assimilasi'. Misalnya, mungkin orang Cina-Muslim punya matlamat 'assimilasi', tapi cita-cita ini terbantut disebabkan tiada kerjasama dari orang Melayu atas alasan orang Cina-Muslim tidak boleh dipercayai dan sebagainya.

### iii. Cadangan

Setelah melihat beberapa masaalah yang timbul dalam proses assimilasi antara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu, maka wajarlah cadangan-cadangan yang membina dan praktikal dikemukakan untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kadar masaalah assimilasi tadi. Adalah diharapkan cadangan-cadangan berikut ini dapat menjadi

---

<sup>59</sup> Simpson, G.E. & J.M. Yinger, 'Racial & Cultural Minorities', New York, Harper, 1953, ms.14

panduan pelaksanaan polisi dalam hubungan orang Cina-Muslim dengan orang Melayu.

a) Rancangan Anak-Angkat

Rancangan 'anak angkat' ini merujuk kepada satu keluarga Melayu mengambil sebagai 'anak angkatnya' seorang Cina yang baru memeluk ugama Islam. Keluarga Melayu yang dipilih menyertai rancangan ini haruslah terdiri dari orang-orang yang berpengetahuan ugama Islam, dan juga bersedia untuk membimbing dan mengajar 'anak angkatnya' dalam pengetahuan ugama Islam. Dengan cara ini, orang Cina-Muslim yang menjadi 'anak angkat' kepada keluarga Melayu, dapat merujuk secara langsung segala masaalah ugama yang dihadapinya.

Tempoh rancangan 'anak angkat' ini boleh berjalan dari seminggu hingga dua minggu. Perbelanjaan harian boleh dibiayai oleh PERKIM, badan-badan ugama, pihak kerajaan, dan mungkin juga oleh pihak swasta. Wang tidak sepatutnya menjadi masaalah besar jika pihak yang berkaenaan ingin melihat orang Cina-Muslim benar-benar mengamalkan ugama baru mereka. Tidak ada faedahnya mengislamkan ratusan ribu orang Cina yang tidak diberi bimbingan dan ajaran yang berkesan. Kualiti adalah lebih baik dari kuantiti.

Jadi, dalam proses sosialisasi selama seminggu atau dua minggu itu, sekurang-kurangnya orang Cina-Muslim itu

tahu tentang ugama Islam. Hubungan antara 'anak angkat' dengan 'bapak angkat' akan berterusan walaupun tempoh rancangan itu tamat pada masa yang ditetapkan. Rujukan atara satu sama lain boleh dibuat dari masa ke semasa. Akibatnya orang Cina-Muslim tidak akan merasa dirinya terasing dari budaya dan masyarakat Melayu.

b) 'Follow-up Yang Tegas'

Di sepanjang kajian ini dijalankan, penulis dapati pihak PERKIM tidak membuat sebarang usaha 'follow-up' aterhadap kedudukan orang-orang Cina yang telah memeluk ugama Islam. Orang Cina-Muslim dibiarkan begitu saja, dan terpulanglah kepada mereka untuk mencari pengetahuan ugama Islam dengan sendirinya. Tidak ada pegawai PERKIM datang dan menyiasat akan kedudukan mereka. Pemeriksaan bulanan harus dilakukan untuk menilai kemajuan yang telah dicapai oleh orang Cina-Muslim dalam pelajaran ugama Islam. Dengan cara ini segala kelemahan ataupun masaalah yang timbul boleh diatasi dengan segera.

c) Kerjasama PERKIM dengan Ketua Kampong

Kerjasama yang erat antara PERKIM dengan ketua kampong adalah tersangat perlu. Setiap orang Cina yang baru memeluk ugama Islam boleh dirujuk kepada ketua kampong. Satu senarai nama orang-orang Cina-Muslim yang terdapat dalam sesuatu kawasan seperti Sungai Way New Village boleh disimpan oleh ketua kampong. Dengan cara ini ketua kampong dapat mengawasi segala tindak-tanduk orang Cina-Muslim dalam kampongnya. Mesjid misalnya dapat dijadikan tempat perhatian oleh ketua kampong. Jikalau terdapat sebarang individu Cina-Muslim yang tidak pergi bersembahyang di mesjid buat beberapa lamanya, ketua kampong boleh membuat pengaduan kepada pihak PERKIM. Tujuannya bukanlah untuk memaksa orang Cina-Muslim bersembahyang di mesjid, tetapi adalah untuk menjaga nama baik mereka, dan juga nama baik PERKIM disisi masyarakat Melayu. Tindakan seperti ini bertujuan juga untuk melihat sejauhmana jujurnya mereka, dan sejauhmana sedianya mereka berkorban untuk ugama Islam.

d) Persatuan Cina-Muslim

Di tempat kajian penulis dapati tidak ada sebarang badan atau persatuan yang menggabongkan semua anggota Cina-Muslim. Ketiadaan 'collective representation' ini tidak memungkinkan sebarang bentuk perjumpaan muhibbah,

kerja-kerja gotong royong dan sebagainya dengan orang-orang Melayu. Perlu ditubuhkan sebuah badab atau persatuan yang boleh dipanggil dengan nama 'Persatuan Cina Muslim'. Persatuan ini boleh berfungsi untuk menyatukan semua orang Cina-Muslim yang terdapat dalam kawasan Sungai Way New Village melalui perjumpaan-perjumpaan ataupun mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dari masa ke semasa.

e) Mengadakan Klas Ugama di Mesjid

Semasa kajian ini dijalankan, tidak terdapat sebarang bentuk klas ugama di tempat kajian. Klas ugama yang ada untuk orang Cina-Muslim bertempat di Darul Arqam, Wisma Selangor. Disebabkan balai Islam Darul Arqam adalah 5 batu jauhnya dari Sungai Way New Village, penulis dapati hampir semua responden Cina-Muslim jarang sekali pergi ke tempat itu untuk mengikuti klas ugama Islam yang diadakan pada setiap malam Selasa. Untuk mengatasi masaalah ini, pihak PERKIM boleh minta kerjasama Jemaah Mesjid Sungai Way New Village supaya satu klas ugama diadakan di mesjid tersebut.

Cara ini juga dapat merapatkan hubungan orang Cina-Muslim dengan penduduk Melayu di sekitar kawasan itu.

Cadangan-cadangan yang disarankan diatas boleh dipertimbangkan dan mana yang difikirkan praktikal patut sekali dilakasankan dengan segera. Tindakan ini perlu memandangkan pada kadar assimilasi yang rendah sekali diantara orang Cina-Muslim dengan orang Melayu. Lagipun sebahagian besar orang Melayu mencurigai orang Cina-Muslim. Yang penting disini bukan kuantiti, tetapi ialah kualiti orang Cina-Muslim yang diislamkan. Kejayaan PERKIM kalau diukur dari segi ramainya orang Cina telah memeluk ugama Islam tidaklah membawa erti yang besar dan berkesan. Misalnya, mungkin PERKIM merasa sangat banggakiranya terdapat 20,000 orang Cina telah memeluk ugama Islam. Soalnya sekarang, daripada 20,000 orang Cina-Muslim ini, berapa ramaikah diantara mereka yang benar-benar mengamalkan ajaran ugama Islam? Berapa ramaikah diantara mereka pernah bersembahyang di mesjid, menghadiri majlis doa-selamat, dan bergaul dengan masyarakat Melayu ?

BIBLIOGRAFI

1. Abdo A Elkholy, The Arab Moslems in the United States, College & University Press, Conn; 1966
2. B. Pillsbury, Cohesion and Cleavage in a Chinese Muslim Minority, Columbia University 1973
3. Charles Wagley& Marvin Harris, Minorities in The New World, Columbia University Press, New York, 1964
4. Chew Hock Thye, Masalah Perpaduan Nasional, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975
5. D.L.Sills, International Encyclopaedia of the Social Sciences, Vol.1, Macmillan Co, 1968
6. Dr.Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970
7. Donald E. Willmott, The Chinese of Semarang, A Changing Community in Indonesia, Cornell University Press, New York, 1960
8. G.D.Mitchell, A Dictionary of Sociology, Routledge & Kegan Paul, London, 1973
- 9: Guy Hunter, South East Asia-Race, Culture and Nations, Oxford University Press, K.L., 1966

10. G.E.Simpson & J.M.Yinger, 'Racial and Cultural Minorities,  
New York, Harper, 1953
11. I.Gould & W.L.Kolb, Dictionary of the Social Sciences,  
Tavistock Publications, Britain, 1964
12. Ismail Kassim, Problems of Elite Cohesion- A  
Perspective From a Minority Community,  
Singapore University Press, 1974
13. Juliet Edmonds, 'Religion, Intermarriage and Assimilation:  
The Chinese in Malaya', in Race,  
Vol.10, No.1, July, 1968
14. Milton Gordon, Assimilation in American Life, Oxford  
University Press, New York, 1964
15. Mohamed bin Abdullah, Malaysian Federal Constitution,  
Jabatan Cetak Kerajaan ,K.L., 1970
16. Michael Banton, Race Relations, Tavistock Publications,  
London, 1970
17. N.J.Ryan, The Cultural Background of the Peoples  
of Malaya, Longmans of Malaya, 1962
18. Park & Burges, Introduction to the Science of Sociology,  
2nd.Ed.University of Chicago Press, 1921
19. Richard J. Coughlin, The Chinese in Bangkok-A Study of  
Cultural Persistence, University Microfilms  
Ann Arbor, Michigan, 1969

20. Ray Nyce, Chinese New Villages in Malaya, A Community Study, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1973
21. Ralph Linton, The Scince of Man in the World Crisis, New York, Columbia University Press, 1945
22. Syed Nasir Ismail, Malay Culture, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1962
23. Tun Mohamed Suffian bin Hashim, An Introduction to the Constitution of Malaysia, 2nd.Ed.Kuala Lumpur, 1976
24. William R.Roff, Religion, Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974

Lain-Lain Terbitan

25. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972
26. Economic Report 1976/77, Ministry of Finance, Malaysia, 1976
27. Perlembagaan PERKIM, 1971
28. Suara Rakyat, 22hb.November, 1975
29. Majallah Jelita, Ogos 1976
30. Islamic Herald, Vol.1, No.1, 1976